


Cetusan seni jiwa

Srikandi





جامعة
Teknologi
MARA
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Seni Lukis
& Seni Reka

Copyright © 2019 by Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA Melaka Branch,
KM 26 Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system without permission in writing from the Penerbit Faculty of Art and Design, UiTM Melaka Branch.

Semua hak cipta terpelihara. Tiada sebarang bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka terlebih dahulu.

Published in Malaysia by / Diterbitkan di Malaysia oleh:

Penerbit Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (FSSR),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka,
Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah,
Melaka, Malaysia
Tel: +606 558 2000

Printed by / Dicetak oleh:

MNK Art Network
SP 1043, Jalan Lendu / Rembia,
Taman Intekma, 78000 Alor Gajah,
Melaka, Malaysia

Typeset by / Atur huruf oleh:

Nor Arseha Karimon
Anith Liyana Amin Nudin

Cover design by / Rekabentuk kulit oleh:

Nor Arseha Karimon

Book design by / Reka bentuk buku oleh:

Nor Arseha Karimon
Anith Liyana Amin Nudin



sekapur sireh^{/4}
kata-kata aluan^{/5-7}
sidang
pengarang^{/8}
sidang cendekia
srikandi^{/9-25}
indeks^{/26-83}

sekapur sireh

Pameran ini mengumpulkan hasil sketsa visual para pensyarah wanita FSSR yang datang dari pelbagai bidang seperti Seni Reka Grafik, Seni Halus, Seni Reka Industri, Fotografi dan Pengajian Liberal. Pameran ini merupakan inisiatif berpameran yang ketiga sejak diadakan pada tahun 2007 dengan tema ‘Virtuositi’ dan ‘Sentuhan Jiwa Wanita’ pada tahun 2008. Kini, setelah sedekad berlalu tiba masanya gerakan seni ini dibangkitkan semula secara kolektif bersama kumpulan pensyarah wanita FSSR yang dipengerusikan oleh Dr Liza Marziana Haji Mohammad Noh bersama 27 orang pensyarah yang menyertainya.

Sketsa visual yang terpamer mencakupi idea-idea awal pengkaryanya melakar ilham berdasarkan gerak hati dan inspirasi dari pengalaman masing-masing sebagai wanita dan pemikir seni tampak semasa. Gaya olahan dan teknik berkait dengan

bidang masing-masing yang tersendiri menggambarkan kemahiran dan pengetahuan visual yang diperlakukan bagi mencetuskan idea – idea seterusnya sehingga menjadi karya akhir yang sebenar.

Variasi garapan idea yang terlahir dari himpunan sketsa ini berkait dengan jiwa kewanitaan tentang kehidupan semasa mereka. Justeru, ilhamnya tercetus dari motif budaya, flora-fauna, kasih-sayang, kekeluargaan, kembara, satira , idola, taiopografi ,teknologi rekaan dan ekspresi abstrak. Semoga inisiatif ini memberi motivasi kepada kumpulan Srikandi ini untuk terus berkarya pada pameran akan datang dengan skala karya akhir yang lebih memberangsangkan. Harapan semoga pameran ini memberi inspirasi buat semua penghayat yang datang berkunjung ke pameran ini. Selamat menghayati!

Kelopak terbuka sibunga tanjung,
Kuntum Melati putih berstigma,
Sampai masanya Srikandi bergabung,
Melukis jiwa berkongsi sukma

Bawang merah bawang putih,
Pelengkap rasa lauk hidangan,
Sudah lama Srikandi bertatih,
Kembalinya semula mencebur lapangan

Tun Fatimah idola hati,
Tun Sabariah puteri Laksamana,
Sebulat suara kami beraksi,
Di ruang *Santai Point* langkah pemula

Buah keranji dalam perahu,
Mudik ke muara tuju haluan,
Duka di hati siapa yang tahu,
Disorok rapi sebalik senyuman,
Memang lumrah berkatnya ilmu,
Bersusah dahulu, berhasil kemudian

kata-kata aluan

Kata-kata Aluan Rektor UiTM Cawangan Melaka

Bismillahirohmanirohim

Assalamualaikum Warohmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala, kerana dengan limpah kurnianya pameran seni wanita Srikandi 2018 akhirnya dapat dijayakan. Pameran Srikandi yang bertemakan Cetusan Seni Jiwa Wanita merupakan pameran siri ketiga daripada tenaga pengajar wanita Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Cawangan Melaka. Pelbagai gambaran, bentuk dan bahan yang digunakan pada setiap karya seni membawa maksud tersirat sekali gus menjadi platform kepada 27 Srikandi seni wanita FSSR meluahkan aspirasi mereka menerusi karya lakaran.

Kesungguhan para tenaga pengajar dalam menjayakan pameran ini harus dipuji memandangkan ia bukanlah perkara mudah untuk menjayakannya. Walaupun memikul tugas berat sebagai tenaga pengajar sebagai ibu dan juga isteri namun mereka masih dapat mencuri masa untuk berkarya. Lantaran ia menjadi etos di sebalik pameran seni wanita Srikandi ini.

Pameran ini diharapkan dapat memberi perangsang kepada masyarakat khususnya seniwiati generasi baru agar terus melahirkan karya-karya yang beridentitikan kewanitaan. Jiwa wanita yang halus pada hakikatnya mampu mencetuskan karya-karya yang unik lagi bermutu malah cemerlang nilai keseniannya.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada tenaga pengajar wanita FSSR dengan kejayaan mengadakan pameran ini. Walaupun pameran ini berskala kecil namun di sebaliknya terserlah semangat dan kecintaan mereka terhadap kesenian. Syabas dan tahniah dari saya. Teruskan perjuangan demi melestarikan keseniaan wanita.

Yang Berbahagia Datuk Prof. Madya Sabariah Hj. Mahat

kata-kata aluan

Kata-kata Aluan Timbalan Ketua Pustakawan Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka

Bismillahirohmanirohim

Assalamualaikum Warohmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya kita masih berupaya meneruskan tanggungjawab sebagai khalfah di muka bumi ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan mengadakan pameran seni wanita SriKandi anjuran Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Cawangan Melaka dengan kerjasama Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka. Perkembangan ini pastinya akan memartabatkan lagi kesenian wanita dalam mendukung penuh aktiviti kesenian dan prihatin terhadap perkembangan kesenian di UiTM Cawangan Melaka. Lebih menarik lagi pameran seni hasil kreativiti tenaga pengajar wanita FSSR ini merupakan julung kalinya diadakan di ruang santai point Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka. Satu usaha yang patut diteruskan dengan menmanfaatkan sepenuhnya ruang santai point bagi memperkenalkan karya seni kepada warga universiti dan masyarakat amnya. Saya berkeyakinan penuh dan optimis bahawa aktiviti sebegini dapat membawa mesej yang jelas betapa karya-karya seni juga memainkan peranan yang penting dalam mendidik dan menyalurkan mesej kepada penghayatnya. Sehubungan dengan itu, saya mengalu-alukan seluruh warga FSSR UiTM Cawangan Melaka samada tenaga pengajar atau pelajar agar menjadikan Santai Point Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka sebagai ruang berkongsi pengalaman dan luahan rasa seni melalui karya seni. Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat berkerjasama dan komited bagi memastikan pameran seni ini berjalan lancar.

Rozaimah Mat Sidek

kata-kata aluan

Kata-kata Aluan Ketua Pusat Pengajian

Bismillahirohmanirohim

Assalamualaikum Warohmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Aktiviti berpameran dalam kalangan tenaga pengajar FSSR telah menjadi budaya sejak sekian lama. Walaupun keutamaan FSSR merupakan aspek pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah, namun berpameran adalah juga menjadi salah satu aktiviti penting bagi mempamerkan kredibiliti mereka. Lantaran itu, ia telah membawa kepada penganjuran sebuah pameran seni wanita SriKandi anjuran Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Melaka dengan kerjasama Perpustakaan UiTM Alor Gajah Cawangan Melaka yang bertemakan Cetusan Seni Jiwa Wanita. Tanpa pameran, karya yang bermutu yang menyimpan seribu makna tidak dapat dihayati sepenuhnya. Sehubungan itu, sekumpulan tenaga pengajar wanita FSSR yang menggelarkan diri mereka SriKandi mengambil peluang mempamerkan karya-karya seni yang menyimpan seribu makna tentang kewanitaan. Nilai kewanitaan disingkap menerusi lakaran berdasarkan bahan, media dan teknik tertentu. Sesungguhnya saya begitu bangga dengan pencapaian mereka atas kesungguhan dalam mengadakan pameran ini. Oleh itu, saya berharap agar mereka terus berkarya demi memajukan serta melestarikan hasil karya seni agar mendapat tempat dihati masyarakat. Setinggi-tinggi tahniah dirakamkan di atas penglibatan tenaga pengajar wanita FSSR dalam pameran ini. Mudah-mudahan objektif penganjuran dapat dicapai. Semoga penerbitan katalog ini dapat menjadi rujukan kepada generasi baru, seterusnya memberi perangsang kepada mereka agar dapat melahirkan karya-karya wanita yang bermutu tinggi.

Prof. Madya Dr Azahar bin Harun

sidang pengarang —



Penaung

Yang Berbahagia Datuk
Prof. Madya Sabariah Binti Haji Mahat

Penasihat

Prof. Madya Dr Azahar Bin Harun
Puan Siti Sarah Binti Adam Wan

Editor

Dr Liza Marziana Binti Haji Mohammad Noh
Dr Sharmiza Binti Abu Hassan
Nurkhazilah Binti Idris

Tenaga Kerja Srikandi

Azni Hanim Binti Hamzah
Nurkhazilah Binti Idris
Fazlina Binti Mohd Radzi
Shaliza Binti Dasuki
Ilinadia Binti Jamil
Mohd Ali Azraei Bin Bebit
Mohd Sharudin Bin Sabu
Muhammad Hasri Bin Abdul Rahim
Ahmad Faiz Bin Anuar

Penulis:

Dr Liza Marziana Binti Haji Mohammad Noh
Dr Sharmiza Binti Abu Hassan
Dr Haslinda Binti Abdul Razak
Noorhzaleen Binti Saad
Diana Binti Ibrahim

Reka Bentuk buku dan Grafik

Nor Arseha Binti Karimon
Anith Liyana Binti Amin Nudin

Hak Cipta : Srikandi

Penerbit: Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka
UiTM Cawangan Melaka

Pelukis dan Penulis

Dr Liza Marziana Binti Haji Mohammad Noh
Siti Sarah Binti Adam Wan
Zahara Binti Haji Ramli
Dr Sharmiza Binti Abu Hassan
Dr Haslinda Binti Abd Razak
Noorhzaleen Binti Saad
Dr Noor Hafiza Binti Ismail
Rosaliana Binti Rahim
Azni Hanim Binti Hamzah
Shaliza Binti Dasuki
Fazlina Binti Mohd Radzi
Nurkhazilah Binti Idris
Wan Nur Khalisah Binti Shamsudin
Shafirah Binti Shaari
Salmah Binti Ali
Wan Nor Ayuni Binti Wan Mohd Zain
Shahariah Binti Mohamed Roshdi
Nur Hasliza Binti Abdulah
Dona Lowii Binti Madon
Aidah Binti Alias
Norsharina Binti Samsuri
Nor Fariza Binti Baharuddin
Anith Liyana Binti Amin Nudin
Nik Narimah Binti Nik Abdullah
Farihan Binti Zahari
Nurhikma Binti Yusof
Nor Arseha Binti Karimon
Faranisha Mohd Binti Sarif

sidang cendekia srikandi

Dr Liza Marziana Binti Haji Mohammad Noh

Dr Sharmiza Binti Abu Hassan

Dr Haslinda Binti Abdul Razak

Diana Binti Ibrahim

Noorhazaleen Binti Saad

sidang 1

Ceritera Srikandi..Perjuangan Yang Belum Selesai....

Oleh: Dr Liza Marziana Binti Haji Mohammad Noh

Nama Srikandi dimanifestasikan atas nama perjuangan seni ahli-ahli akademik wanita FSSR dalam menyambung usaha yang dilakukan oleh pelukis-pelukis wanita tersohor negara. Nama-nama seperti Mastura Abdul Rahman, Ruzaika Omar Basaree, Sharifah Fatimah Zubir dan Fatimah Chik adalah antara seniwati yang telah tercatat dalam sejarah seni moden di Malaysia, diatas penglibatan dan sumbangan mereka dalam dunia pengkaryaan. Perjuangan pelukis-pelukis wanita terdahulu ini harus dikenang memandangkan sumbangan mereka adalah sangat berharga dalam dunia seni visual Malaysia. Lebih membanggakan adalah pelukis wanita Melayu yang mendapat pendidikan formal di Kajian Seni Lukis dan Seni Reka Universiti Teknologi MARA. Pengiktirafan harus diberikan kepada pelukis-pelukis wanita memandangkan sumbangan dalam bidang kesenian adalah besar. Siri-siri *brainstorming* mengenai hala tuju pelukis wanita di Malaysia sering menjadi pokok persoalan dalam kalangan ahli-ahli akademik wanita FSSR Melaka. Berdasarkan hakikat inilah Srikandi muncul sebagai *platform* untuk pelukis wanita UiTM menyerahkan kebolehan mereka.

Kumpulan Srikandi mula aktif pada tahun 2007 dengan siri pameran pertama yang membawa kepada tema Virtuositi. Johor menjadi negeri pilihan kumpulan ini dengan menganjurkan pameran secara kolaboratif antara UiTM Melaka dengan Galeri Seni, Yayasan Warisan Johor. Srikandi kemudian menempa sejarah dalam arena perlukisan peringkat UiTM melalui penganjuran pameran Srikandi Siri jelajah ke 2 yang mendapat kerjasama dengan Balai Seni Lukis Melaka. Pameran ini dianjurkan secara besar-besaran dengan melibatkan ahli akademik FSSR termasuklah bekas pelajar alumni UiTM. Justeru itu menjadikan penganjuran pameran ini dari berskala kecil kepada berskala besar. Lebih membanggakan Srikandi disertai oleh pelukis-pelukis wanita tersohor walaupun pada ketika itu Srikandi baru sahaja diperkenalkan. Hal ini memberi gambaran bahawa pelukis-pelukis wanita menyokong usaha ini lantaran *platform* ini difikirkan begitu signifikan kerana pameran ini adalah pameran wanita. Sudah pastinya ia memberi kelainan dan keunikian memandangkan wanita adalah makhluk ciptaan istimewa.

Wanita yang sering dikaitkan dengan aspek kekeluargaan, akan terlihat luar biasa apabila wanita itu mampu melakukan lebih dari apa yang dijangkakan. Lebih-lebih lagi jika pelukis wanita itu adalah seorang ibu dan dalam masa yang sama menggalas pula tugas sebagai pekerja sudah pastinya tidak mampu menghasilkan karya-karya seni yang memerlukan tenaga dan fikiran yang tinggi. Namun begitu, sangkaan itu disangkal apabila pelukis wanita telah membuktikan walau sesibuk manapun mereka masih mampu berkarya malah idea yang diketengahkan adalah setanding dengan pelukis-pelukis hebat di dunia. Inilah simboliknya Srikandi ini. Konsep feminis mengikut acuan di Malaysia ini tersembunyi di sebalik pameran Srikandi ini. Justeru itu feminism dalam acuan Malaysia tidaklah radikal seperti apa yang dilaungkan oleh feminis barat. Karya-karya mereka bersifat radikal yang di sebaliknya membayangkan suara dan ketidakpuasan hati wanita.

Srikandi kemudiannya menyepi sejak lebih lima tahun. Tapi bukan bermakna ia sepi ia hilang begitu sahaja. Srikandi bangkit semula bersama harapan baru dengan menyaksikan kepulangan para penggeraknya kembali dari melanjutkan pelajaran di samping kehadiran pengarca wanita Malaysia Dr Sharmiza Abu Hassan yang kini menjadi ahli akademik FSSR UiTM Melaka. Dengan gandingan baru dan yang lama Srikandi menjadi lebih yakin akan hala tuju pergerakannya disamping mendapat sokongan padu dari Srikandi generasi baru. Srikandi mula menggerak langkahnya dalam destinasi yang baru dengan menyuntik semangat Srikandi yang baru untuk berpameran. Tema Srikandi siri ke 3 pada kali ini adalah cetusan seni jiwa mengangkat seni dalam bentuk lakaran dalam usaha membangkitkan jiwa seni yang sekian lama terhenti. Lakaran dicetuskan berlandaskan latarbelakang bidang seni masing-masing dengan mempamerkan idea dan olahan teknik yang berbezabeza. Setiap lakaran melahirkan konsep seni yang lahir dari jiwa dan kecintaan wanita terhadap dunia seninya. Malahan memperlihatkan kekuatan kemahiran seni tidak kira apa jua bidang sama ada bidang seni grafik, seni industri, seni fotografi, seni tekstil mahupun seni halus yang mereka ceburi. Lantaran identiti seni yang berlatarbelakang minat dan kecenderungan telah dihasilkan.

Srikandi mengharapkan dengan penyertaan pensyarah generasi baru dapat melahirkan seniwati seni visual yang berkebolehan dan berdaya saing kesenian serta dapat menyambung usaha-usaha seni yang telah disumbangkan oleh seniwati seni visual terdahulu. Kita tidak mahu perjuangan seniwati terdahulu menjadi sia-sia dan terhenti setakat itu sahaja dan karya mereka menjadi tinggalan artifak tanpa dimartabatkan oleh seniwati generasi baru. Justeru kesinambungan itu haruslah melibatkan penglibatan yang serius dalam kalangan ahli Srikandi dari latar belakang kesenian yang berbeza. Kegiatan seni itu tidak hanya bertumpu kepada sesuatu bidang sahaja tetapi ia meliputi pelbagai bidang kesenian. Malahan persepsi seni kian menjadi subjektif dan terbuka sehingga saling mengadaptasi pada setiap cabang kesenian. Teori-teori seni semakin berkembang begitu juga dengan kaedah penghasilan/pembuatan karya. Hal ini sudah tentu dipelajari dan diselidik oleh seniwati seni visual justeru, peranan mereka amatlah di perlukan bagi menghasilkan karya-karya yang lebih bermutu yang barangkali dapat membentuk ideologi seni baru berdasarkan persepsi wanita, sebagai satu usaha melestari akan bidang kesenian di Malaysia.

Sesungguhnya perjuangan Srikandi harus berterusan dalam memperkasakan wanita dalam bidang kesenian. Dasar Wanita Negara telah memfokuskan kepada usaha pemerkasaan wanita dalam kluster wanita dan budaya (kesenian dan media). Hal ini merupakan perkara yang menggembirakan buat wanita kerana pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah komited melalui Tahun Memperkasa Wanita 2018, wanita memperoleh peluang dalam semua bidang dan tiada lagi yang ketinggalan. Matlamat program pemerkasaan wanita itu juga adalah untuk menyediakan wanita negara ini dalam mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0. Kementerian meletakkan sasaran yang jelas dalam Tahun Memperkasa Wanita 2018 bagi memastikan wanita memperoleh segala peluang untuk mendapat pendidikan, dipromosikan dan bekerja. Sehubungan itu bagi mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 Srikandi harus mengambil pelbagai inisiatif untuk memajukan diri dan pergerakan ini sejajar dengan Tahun Memperkasa Wanita 2018 yang memberi tumpuan kepada kluster wanita dan budaya (kesenian dan media). Dengan peluang yang diberi diharapkan dapat meningkatkan bilangan wanita yang mengamalkan kebudayaan, kesenian dan warisan. Seterusnya mengangkat peranan wanita sebagai penyambung seni, budaya dan warisan serta memperluaskan ekonomi melalui pengkomersilan produk dan perkhidmatan kebudayaan serta kesenian.

sidang 2

Cabaran Srikandi Seni Tampak dalam Praktis Kesenian pada abad ke 21

Oleh: Dr Sharmiza Binti Abu Hassan

Penglibatan pelukis wanita di Malaysia ketika menghampiri tahun 2020 sudah menampakkan tanda penambah baikan jika dibandingkan dengan situasi semasa di dekad 90-an. Dalam kalangan kemajuan pesat media sosial dan infrastruktur seni yang semakin berpengaruh, pelukis-pelukis profesional dalam kalangan wanita semakin mengambil tempatnya dalam dominasi penglibatan kaum Adam di industri seni tampak tempatan. Memetik dari satu sumber dari Tate Modern Museum of Contemporary Art, Pengarahnya Francis Morris membuat kenyataan ;

"My advice to women in the arts today is that it is a change world. But really is still a case of pushing and pushing and making opportunities and never being complacent".

Situasi seumpama yang berlaku di arena seni di Barat mahupun global pada kala ini juga telah membuka peluang yang tidak lagi mengenepikan kebolehan pelukis wanita. Inisiatif melihat kepada sejauh mana pencapaian pelukis wanita telah lama diusahakan oleh penggiat seni tampak tempatan. Pameran Srikandi ini sendiri yang diadakan pada sedekad yang lalu telah mengumpulkan sejumlah 80 pengkarya wanita Malaysia yang memperkenalkan variasi bidang pengkaryaan visual masing-masing. Sejak di awal dekad 90'an seperti Women & Creativity (1990); Malaysia –Indonesia women artists (1991); Women Art Show (1998); Through Our Eyes 1999; Sentuhan : A Woman's Touch(2002), 20 Women Artists (2005); Pameran Pelukis Wanita Malaysia(2006); Langit sama dijunjung ,bumi sama dipijak (2006); Out of The Mould – The Age of Reason (2008) SriKandi: Sentuhan Jiwa Seni Wanita(2008) Thou Art Woman (2009); Women Artists and their Contemporaries (2013), OKRA (Alamku, Ilhamku) 2016,Lakar Wanita (2017) , 15 Variasi & Versatil Pelukis Wanita Malaysia dan 101, Dimana YOung (2017), dan yang terkini ialah Maharani – Pelukis Wanita Johor (2018), Maybank's Emerging Women Artists Show(2018) Lakar Wanita (2018) sehingga lah yang terkini Cetusan Seni Jiwa Srikandi (2018) membuktikan penglibatan pengkarya wanita dalam arena seni tempatan Malaysia.

Generasi pelapis pengkarya wanita bersih ganti mengambil tempat bagi terus menyumbangkan idea dan kreativiti mereka menerusi inisiatif menganjurkan pameran berkumpulan selalunya. Graduan seni wanita yang selalunya mendominasi graduan lelaki meneruskan kerjaya seni mereka yang majoritinya akan mengambil

bidang pendidikan samada ke peringkat pengajian tinggi/universiti atau sekolah, pengurusan seni di sektor awam mahupun korporat, usahawan grafik, batik, seramik, fesyen pakaian, produk kraf dan hanya minoriti berkarya sepenuh masa. Segelintir yang boleh dibilang dengan jari menceburkan diri sebagai penulis dan pengkritik seni. Selebihnya, mengakhiri kerjaya seni kreatif setelah tamat belajar berumahtangga dan berkeluarga. Walau apa-apa pun penyudahnya, mereka telah terlatih dengan semangat berseni dalam diri dan sentiasa akan menyalur kreativiti masing-masing dalam berbagai aspek kehidupannya tak kira dalam kerjaya apa pun. Warisan budaya dan kraf, alam semula jadi lanskap, flora-fauna, identiti kebangsaan, spiritualiti, rutin kehidupan sebagai wanita, ibu, isteri dan anak, naratif dari sastera rakyat/bangsawan, masalah sosial masyarakat adalah antara subjek lazim kepada representasi imej karya-karya penggiat seni tampak wanita secara umumnya.

Media dan perkembangan Abad kini

Tuntutan abad ke 21 yang berpaksikan informasi teknologi media yang meluas sudah tentu memberi impak yang berbeza dengan situasi pengkarya seni tampak di zaman 90an. Kemudahan dan cabaran adalah pro dan kontra yang perlu ditangani dengan bijaksana dan praktikal. Sebagai generasi pengkarya seni tampak kini, media informasi tanpa sempadan ini memberi peluang untuk meninjau perkembangan seni semasa di arena global dengan mudah. Rujukan dan penyelidikan tentang apa sahaja isu boleh diperolehi dengan sekali sentuhan abjad untuk ke 'Google'. Teknik dan demonstrasi untuk kaedah berkarya terkini boleh di cuba sendiri dengan adanya 'You Tube'. Pendek kata, selautan informasi mengenai apa jua pun boleh di garap dengan mudah dan dalam masa yang singkat. Peluang menyertai pertandingan seni tampak, residensi di arena seni tempatan mahupun antarabangsa terbuka luas dengan kemudahan informasi masa kini. Saluran rangkaian hubungan yang merentasi sempadan seumpama ini wajar di pertimbangkan sebagai lapangan ujian kompetensi bagi pelukis wanita meletakkan profail sejauh mana kebolehan kreativiti mereka dan dimanakah kekuatan yang seterusnya perlu di gilap dan ditambah baik. Menurut Zanita Anuar, dari unit Penyelidikan Balai Seni Negara , Kuala Lumpur dalam eseinya di pameran 15 V's pelukis wanita Malaysia yang diadakan di galeri Shah Alam pada tahun 2017;

"Satu-satunya kayu ukur bagi memperakui 'pengaruh' seorang pelukis adalah pencapaian globalnya"

Generasi Pelapis Penggiat Seni Tampak Wanita

Sewajarnyalah cabaran ini menjadi di antara visi yang perlu di sambut oleh para penggiat seni tampak wanita generasi masa kini. Tidak dinafikan telah ada pun dalam kalangan pengkarya wanita graduan FSSR,UiTM yang giat mewakili negara di arena global apabila di anugerahkan sebagai pemenang pertandingan seni berprestij semasa seperti MEA;Malaysia Emerging Art Award, BMS Bakat Muda Sezaman, Anugerah Seni UOB, Nokia Art Award dan berbagai pengiktirafan lagi. Nama seperti Umi Baizurah Ismail(Seramik), Fadilah Karim(Catan), Annisa Abdullah(Kolaj), Annikeytini Madian(Arca Kayu), Rozana Musa(Seramik), Zarina Abdullah(Catan) Raimi

Sani(Catan) adalah pelapis baru lingkungan 20-30an yang semakin menempa dan mencipta nama mereka di industri seni tampak tempatan. Mereka adalah generasi terkini selepas generasi sebelumnya juga yang kini melewati usia 40-50an. Kebanyakannya juga pemenang anugerah seni tempatan dan telah mengadakan solo, residensi seni dan berpameran di dalam maupun luar negara. Mastura Abdul Rahman(Catan), Sharmiza Abu Hassan(Arca), Nurhanim Khairuddin (Media Baru), Susyilawati Sulaiman (Catan), Diana Ibrahim,(Cetakan & Kaca), Azliza Ayob(Catan) dan Suzy Sulaiman (Media Baru). Kejayaan yang di tempa generasi muda yang tersebut diatas tidak mungkin akan berjaya tanpa sokongan, inspirasi dan dorongan generasi sebelumnya seperti Datuk Sharifah Fatimah Zubir(Catan), Ham Rabeah Kamarun(Seramik), Prof Madya Dr Ruzaika Omar Basareel Arca Kayu & Media Digital), Prof Dr Norwani Nawawi (Catan Songket), Norma Abbas(Kolaj), Prof Dr Siti Zainon Ismail (Catan), dan Fatimah Chik (Batik).

Kenyataan di atas ini berfokuskan penggiat / pengkarya wanita dalam kalangan graduan Melayu UiTM sahaja memandangkan pameran SriKandi ini adalah penganjuran UiTM secara khususnya. Walaubagaimanapun ramai dalam kalangan pelukis wanita Malaysia bukan Melayu yang juga telah menempa nama sebagai pengkarya profesional berbagai generasi sepetimana graduan Melayu juga. Sekadar menyebut beberapa pengkarya penting, Ilan Yee (Fotografi & Media Baru), Bibi Chew (Instalasi), Symrin Grill(Fotografi & Media Baru), Shia Yih Ying(Catan), Terry Law(Arca), Eng Hwe Chew,(Catan) dan Teo Joo Ngee(Instalasi & Catan) adalah antara nama penggiat kontemporari yang sering di ketengahkan sebagai wakil pelukis wanita Malaysia apabila menerima jemputan antarabangsa.

Keseimbangan Akademik dan praktis pengkarya Wanita

Tidak dinafikan juga dalam kalangan graduan Melayu yang bergiat aktif di arena seni tampak semasa adalah tenaga akademik yang berkerjaya sebagai pensyarah sepenuh masa di universiti awam maupun swasta. Kegiatan akademik yang bukan sahaja menuntut penyelidikan bertulis pada masa kini perlu di seimbangi dengan praktis menghasilkan karya seni. Cabaran ini bukan mudah untuk ditangani di tambah pula bila dikaitkan dengan pengkarya wanita yang telah tersedia dengan berbagai peranan lain sebagai ibu dan pengurus rumah tangga dalam rutin kehidupan masyarakat kita.

Pengurusan masa yang cekap dan praktikal adalah latihan yang menuntut kebijaksanaan dan keutamaan pendirian seorang penggiat seni. Sebagai tenaga akademik sudah tentunya para pelajar yang diselia akan merujuk keupayaan dan penglibatan para pensyarahnya dalam menghasilkan karya untuk dijadikan inspirasi ataupun idola kepada bidang pengajiannya. Dari sitolah juga para akademik bidang seni tampak ini akan melahirkan graduan seni tampak yang kompeten dan peka dengan konteks keperluan industri seni semasa. Merekalah bakal mewarisi bakat dan kreativiti yang

seterusnya menyambung generasi penggiat seni di masa hadapan. Kebanyakan para akademik dalam bidang ini juga adalah pakar rujuk dan perancang kepada kelestarian kegiatan seni tampak tanahair, justeru berterusan menghasilkan karya dan terlibat dalam kegiatan berpameran adalah keperluan yang tidak boleh di pandang ringan.

Penyelidikan yang berbentuk penulisan dalam bidang seni tampak adalah juga sumbangsan sosial yang signifikan dalam pembentukan budaya kesenian sesebuah negara. Dalam kalangan penulis seni tampak wanita yang diiktiraf, dimana asalnya beliau adalah seorang pengkarya seni, Nurhanim Khairuddin adalah kurator profesional separa masa yang sering diundang untuk menulis dan mengurus pameran-pameran jemputan antarabangsa. Pengalamannya sebagai pengkritik, kurator dan penulis jemputan pada masa kini memperlihatkan kebolehannya memberi apresiasi seni yang diterima oleh industri seni tempatan. Personalitinya yang konsisten menulis, menganjurkan wacana kesenian dan menghadiri pameran meletakkan diri beliau dikenali oleh para penggiat seni, kolektor seni dan penaung kesenian samada di sektor awam maupun korporat. Justeru, penglibatan seorang penggiat seni tampak bukan sahaja terhenti setakat menghasilkan karya tetapi juga mampu menghasilkan penulisan, menghadiri pameran dan berinteraksi dengan komuniti penggiat seni yang lain.

‘Melukis itu Menulis’, (AD Pirous,2003) pandangannya dalam bukunya. Beliau yang juga seorang pelukis dan budayawan tersohor Indonesia memberi perkaitan antara dua sifat perbuatan ini yang saling memanfaatkan seorang penggiat/pengkarya seni tampak. Catatan visual perlu didokong oleh refleksi tekstual untuk memperjelaskan lagi idea kreatif dan falsafah keseniannya yang ingin di sampaikan oleh individu pelukis /pengkarya seni. Dari situlah dapat dihayati daya intelektual seorang pengkarya seni merangsang pemikiran penghayat karyanya. Kaedah ini adalah yang sinonim dengan tuntutan akademik dalam kalangan pelukis /pensyarah UiTM pada masa kini. Justeru semakin ramai yang berminat menyambung pengajian ke peringkat PhD yang memberi peluang tentang latihan menulis yang komprehensif kepada penggiat seni tampak UiTM.

Kesimpulannya disini untuk berjaya sebagai pengkarya seni, penggiat seni mahupun ilmuwan seni tampak abad ke 21 bukanlah satu yang mustahil. Ia memerlukan satu kebolehan yang menyeluruh yang perlu ditangani dengan bijak oleh para penggiat seni tampak wanita masa kini. Peka terhadap perkembangan seni tampak semasa apabila menghasilkan karya, menyertai dan bergiat aktif dalam aktiviti berpameran dan pertandingan, berinteraksi dengan komuniti seni tampak tempatan, mengambil tahu konteks kesenian global melalui rangkaian hubungan sesama bidang melalui persidangan, diskusi seni ,wacana adalah antara faktor – faktor yang membantu individu menjadi seorang pengkarya seni yang sukses dan signifikan dalam masyarakatnya. Semoga catatan ringkas ini membantu generasi baru ‘Srikandi’ seni tampak kita untuk tampil menyumbang kreativiti dan bergiat aktif meletakkan diri di arus perdana kesenian tampak Malaysia di masa hadapan yang penuh cabaran ini. InsyaAllah.

sidang 3

“Srikandi!” via Artis Gomen: Merenung gagasan selepas sedekad!?....

Oleh: Diana Binti Ibrahim

“Boleh terhitung dek jari!” itulah perumpamaan bagi pencarian seorang seniwati wanita yang ‘konsisten’ berkarya dalam kelompok keriuhan pameran serta pesta seni visual kini. Namun, penilaian konteks ‘hitungan’ itu tidaklah terlampau rendah hitungannya sehingga terhenti kepada jari-jemari yang kesepuluh. Sungguhpun bidang kesenian ini di dominasi oleh golongan lelaki, namun acapkali juga pameran-pameran seni visual sama ada yang dikendali oleh badan-badan berkanun seperti Balai Seni Negara mahu pun galeri-galeri seni swasta terutamanya di sekitar Lembah Klang dan Kuala Lumpur membuka ruang dan pentas ini kepada golongan minoriti ini. Semangat dan iltizam para seniman wanita berkarya dilihat semakin bercambah semenjak akhir-akhir ini, dengan kemunculan rangkaian pameran-pameran seni bersifat ‘genderism’ ini dalam pentas seni rupa visual tanah air. Sungguhpun hal ini selalu dianggap, dilihat atau di cop sebagai bersifat ‘feminism’ namun kebanyakkan karya-karya yang di pamerkan tidaklah mengucapkan ke arah ideologi tersebut.

Menerusi catatan saya, pentas terbesar dan terakhir yang menghimpunkan pengkarya-pengkarya wanita adalah menerusi sebuah pameran seni kendalian Balai Seni Negara pada tahun 2017, Pameran 101 Dimana Young telah menghimpunkan seramai 101 seniman wanita termasuklah beberapa orang kuat “Srikandi” pada ketika itu. Menurut kuratornya, saudari Tan Hui Khoon bahawa agak sukar juga bagi mencari serta menghimpunkan seniman seramai itu. Ia merupakan satu cabaran juga buat pihak badan berkanun seperti Balai Seni Negara bagi mengenalpasti serta menjelaki seniman-seniman wanita di negara ini. Oleh kerana tiada bahan bercetak seperti katalog pameran yang sepatutnya ada bagi sebuah pameran yang di anggap sebagai ‘gah’ ini, maka mari kita meneliti catitan dalam siaran media yang dikeluarakan oleh pihak Balai Seni Negara (2017) berkaitan dengan pameran ini.

“Pameran ini secara keseluruhannya mengnegahkan kepelbagaiannya karya dari seniwati wanita yang terdiri dari karya koleksi tetap Balai Seni Negara, karya baru menerusi jemputan istimewa serta jemputan terbuka. Pentas ini juga memberi sedikit ruang bagi karya-karya yang dihasilkan oleh pelajar yang dirasakan oleh kuratornya memenuhi ‘standard’ sebuah pameran. Jika kita merujuk

kepada karya terawal yang di himpulkan dalam pameran ini adalah tahun 1940an, menunjukkan bahawa penglibatan wanita dalam bidang seni ini telah menjelang 77 tahun (menjangkau lebih dari setengah abad!), namun sayangnya koleksi Himpunan Tetap Negara hanya 10% sahaja merupakan karya-karya yang dihasilkan oleh seniman wanita.”

Pelbagai persoalan yang boleh diulas disini. Setelah melepas setengah abad, pengkarya-pengkarya seniwati wanita masih lagi sukar di temui. Perjalanan seni seorang “srikandi” @ seniwati wanita itu tentunya lebih berganda sukarnya berbanding dengan seorang seniman lelaki. Apakah ‘taste’ seni yang dimiliki oleh seorang pengumpul seni atau kurator seni kurangnya memberi perhatian ke atas karya-karya yang dihasilkan oleh seniman wanita itu? Atau apakah bentuk seni yang diilhamkan oleh seniman wanita ini belum lagi mencapai ‘standard’ para pemegang institusi seni? Adakah mungkin lebih banyak insentif mahupun galakkan perlu diwujudkan bagi menggalakkan lebih ramai seniman wanita menjadikan bidang seni lukis atau seni visual ini sebagai kerjaya yang menguntungkan untuk di terokai?

Saya pernah ditanya oleh seorang penggiat seni rupa Indonesia pada suatu ketika dulu pada tahun 2012 dalam sebuah acara festival kesenian Pasar Karat Dondang Sayang (PKDS) anjuran bersama FSSR, UiTM Cawangan Melaka dan galeri seni Sangkring Art Space, Jogjakarta. Pertanyaannya berbunyi sebegini “Kenapa seniwati wanita di Malaysia agak kurang? Sedangkan menurut pemerhatian saya, banyak sekali pelajar perempuan yang mengikuti pengajian dalam bidang seni (terutamnya bidang fine arts) di UiTM?” –Pak Yaksa (2012). Persolan yang sangat menarik bagi saya untuk bersama kita fikirkan dengan agak mendalam. Sememangnya di akui sangat sukar juga bagi menjelaki serta mencari dimana alumni pelukis-pelukis wanita keluaran UiTM ini semua!

Persoalan tersebut juga adalah perkara yang muncul sewaktu pasukan ‘Srikandi’ UiTM Cawangan Melaka ini memulakan langkah untuk berpameran beberapa tahun terawal sebelum projek seni PKDS berlangsung. Satu inisiatif telah digerakkan oleh sekumpulan artis-akademik wanita di UiTM Cawangan Melaka dengan menghimpunkan seberapa ramai alumi seniman wanita yang masih bergiat aktif dan kurang aktif dalam sebuah pameran seni. Langkah pertama ini dimulakan dengan pameran seni ‘Virtousiti’ di Galeri Seni Johor pada tahun 2007, dan selanjutnya pameran ‘Srikandi; sentuhan seni jiwa wanita’ pada tahun 2008 di Balai Seni Melaka. Namun, usaha ini tidak dilanjutkan sehingga pada tahun 2018, ia dimulai semula dengan skala yang lebih kecil dengan karya yang melibatkan ahli akademik UiTM Cawangan Melaka dalam sebuah pameran ‘Srikandi; Cetusan Jiwa Seni.

Sungguh pun gerakan artis-akademik wanita UiTM Melaka terhenti seketika suatu waktu dahulu, namun, mereka sebenarnya masih bergiat aktif dalam beberapa projek seni bersama masyarakat semenjak tahun 2012. Disebut sebagai Artis Gomen dalam beberapa siri projek kesenian yang di bangunkan bersama masyarakat seperti PKDS, Lendu International Art Camp (LIAC), projek seni Iktiraf Felda TN 50 dan di luar negara Art Educare (anjuran Universiti Sebelas Maret, Solo Indonesia), serta beberapa program kemasyarakatan lain dalam kumpulan yang lebih berskala kecil. Inisiatif menjalankan projek-projek seni bersama masyarakat ini juga dilihat sebagai pentas bagi seniman wanita dalam kalangan ahli akademik ini mencurahkan bakat serta memimpin masyarakat mengenali serta menanam minat dalam bidang kesenian.

Beberapa projek kemasyarakatan seperti LIAC juga turut membuka pentas pameran kepada alumni serta seniman wanita dalam ketiga-tiga sirinya sedari versi 2013, 2014 dan versi 2016. Nama-nama besar seperti Siti Zainon Ismail, Sharmiza Abu Hassan dan Mastura Abdul Rahman turut turun ke lapangan menyertai projek kemasyarakatan ini bersama-sama dengan seniman penggiat seni, akademik seni, pelajar dan masyarakat setempat. Menerusi aktiviti wacana seni, aktiviti melukis serta berkarya di ruang awam dapat membuka lebih ruang kepada seniman beraksi serta membina perhubungan baru antara seniman dan masyarakat. Aktiviti seumpama ini juga merupakan sebuah pentas yang sangat baik bagi seniman wanita terokai, selain dari aktiviti berpameran yang hanya tertumpu kepada konsep ‘white box’ di dalam ruang-ruang ‘cubical’ yang menghadkan peranan atau partisipasi khalayak dalam memberi tindakbalas ke atas sebuah karya seni.

Dalam projek LIAC 2013 umpamanya, seniman Mastura Abdul Rahman turun kelapangan menghasilkan sebuah karya di ruang awam secara kolaboratif. Begitu juga Sharmiza Abu Hassan yang turut menghasilkan sebuah karya ‘enviromental art’ dengan menggunakan segala bahan dan ruang yang wujud di kawasan kampung yang terlibat. Dalam proses ini seniman telah mula keluar dari garis konvensional dengan mula mengarah kepada proses pengkaryaan yang bersifat partisipatif dan bertaut dengan persekitarannya, peserta lain serta audien baru (masyarakat kampung). Hal ini menjadi suatu yang amat menarik apabila penghasilan sebuah karya seni dibangun secara kolaboratif, di lokasi awam dengan bersaksikan audien yang jauh berbeza jika sebuah lukisan di pamerkan di ruang-ruang galeri seni. Namun bagi proses ini sudah semestinya seniman memerlukan satu jangka masa yang lebih panjang bagi penghasilan sebuah karya seni yang pastinya bersesuaian dengan konteks persekitaran dan masyarakatnya.

Seni yang muncul di LIAC bukan lagi dinilai menerusi sudut pandang estetika semata-mata, seni dalam konteks ini di zahirkan sebagai medium dalam menganjurkan bentuk perhubungan baru bersama masyarakat. Menurut Hendra Himawan (2015) LIAC menampilkan seni sebagai sebuah

aktiviti sosial yang bersandar pada prinsip praktis dialogis yang menganjurkan kepada proses komunikasi dalam melakukan advokasi serta kerja-kerja kolaboratif dan partisipatif. Hendra melanjutkan lagi kerja-kerja seni ini telah membuka ruang bagi proses perkongsian pengetahuan serta menjalin interaksi yang lebih luas antara seniman dan khalayak. Proses ini telah menganjurkan kepada ‘seni sebagai sebuah pengalaman’ yang meraikan pandangan, sentuhan serta penyertaan khalayak ke atas kerja-kerja penciptaan seni. Nilai-nilai estetika ini lah yang hilang dalam karya-karya seni moden yang sering kali mengenegahkan estetika bersandarkan aspek keindahan serta keluhuran bentukkan yang tercipta menerusi ilham suci yang diterima seniman sebagai ‘pencipta agung’.

Pendemokrasian atas proses produksi artistik haruslah diterokai seniman. Seniman harus berani keluar dari kepompong serta keselesaan berkarya dan berpameran dalam suasana yang kondusif, dengan menawarkan sebuah penciptaan seni yang lebih berinovasi serta kreatif bersandarkan kepada konteks masyarakatnya. Penerokaan serta penguasaan kemahiran mengendalikan prinsip mahupun elemen seni serta bahan dan media dalam menghasilkan sebuah ‘form of art’ mungkin bukan lagi menjadi fokus utama dalam penghasilan berkarya dalam pentas abad millennium ini. Seniman kala ini sangat dituntut serta di galakkan melihat kepada nilai tambah lain yang perlu di masukkan sebagai elemen penting dalam proses membangunkan sebuah karya seni.

Penglibatan khalayak pada hari ini bukan hanya di tuntut sebagai seorang ‘penikmat seni’. Khalayak yang matang diukur menerusi penglibatannya dalam memberi tindak balas atas sesebuah karya seni. Sudah tiba masanya seniman memikirkan keseluruhan operasi pembuatan sebuah karya seni yang tidak hanya bertumpu atas nilai estetika atau bentuknya sahaja, audien atau penerima akhir sebuah produk seni juga menjadi intipati penting sebagai sebahagian dari proses penciptaan sebuah karya seni. ‘Seni untuk masyarakat’ yang pernah diusung sebagai dogma kepada seniman dalam ‘Kongres Kebudayaan Kebangsaan 71’ seharusnya dikembalikan gagasannya oleh seniman pada hari ini dengan mencipta mekanisma-mekanism baru dalam praktis amalannya agar masyarakat atau pun khalayak tidak lagi menjadi sebagai golongan ‘penikmat seni’ semata-mata.

sidang 4

Teori Perkembangan Kartunis Wanita

Oleh: Noorhazalen Binti Saad

[HYPERLINK "mailto:phdcartoons@gmail.com"](mailto:phdcartoons@gmail.com) phdcartoons@gmail.com

Pengenalan

Nama komersial seperti Lat, Ujang, Rejabhad dan Zunar adalah nama kartunis tanah air yang cukup dikenali. Namun nama kartunis wanita di Malaysia amat jarang disebut, malah sesetengah syarikat penerbitan majalah komik tiada kartunis wanita. Ini dibuktikan tiada senarai nama kartunis wanita dalam penerbitan akhbar dan majalah humor seperti Warta Jenaka, Gelagat, Batu Api, Lanun dan lain-lain majalah humor, jikalau ada pun sekalipun hanyalah seorang dua dalam majalah Gila-Gila, Ujang, APO, Gempak dan G3. Pada tahun 1994 hingga tahun 2000, nisbah kartunis lelaki dan wanita di majalah Ujang adalah 40:1 begitu juga Majalah Gila-Gila. Perkembangan ini jelas menunjukkan kekurangan penglibatan wanita dalam industri kartun dan komik di Malaysia.

Cabaran sebagai kartunis wanita pasti hebat kerana di seluruh dunia kerjaya ini di monopoli golongan lelaki. Ini dijelaskan oleh Dr. Mulyadi Mahamood (2010) yang menyatakan wanita yang berkarya dalam dunia seni yang didominasikan lelaki mencetuskan dilema dalam kalangan kartunis wanita di Amerika Syarikat pada abad ke-19 kerana kartunis wanita terpaksa bekerja keras untuk mendapatkan tempat menerbitkan karya mereka berbanding kartunis lelaki. Ini menyebabkan kartunis wanita terpaksa menggunakan nama samaran lelaki atau mencari alternatif baru dalam berkarya dan beralih kepada komik *underground*. Malah, pertubuhan penting kartunis di Amerika Syarikat, National Cartooning Society pada awalnya menolak kemasukan kartunis wanita sebagai ahli (Robbins, 1993). ‘Dalam pekembangan seni visual, pelukis wanita secara umumnya menempuh pelbagai rintangan dan halangan sebelum mencapai kejayaan dan pengiktirafan. Dalam dunia seni yang secara umumnya didominasi oleh lelaki, karyawan wanita pada perkembangan awalnya sering kali dipinggirkan’ (Mulyadi Mahamood, 105:2010).

Apabila membincangkan kenapa kurangnya kartunis wanita, maka jawapan yang terhasil pastinya bermula daripada aliran pemikiran mereka. Menurut Holland (1985), pelajar wanita membataskan diri kepada tingkah laku yang bersesuaian dengan peranan kejantinaan mereka sahaja. Ini menunjukkan pemikiran wanita kurang didekahkan kepada dunia persekitaran yang lebih mencabar pada awalnya, kemungkinan budaya didikan keluarga di negara ini yang membataskan pemikiran dan kebebasan kanak-kanak perempuan menyebabkan

mereka mengalami ‘Emotion Awareness’ lebih daripada kanak-kanak lelaki. Sebelum era kemerdekaan wanita kurang diberi pendidikan berbanding lelaki, ini menyebabkan mereka buta huruf, hanya duduk dirumah menguruskan hal rumah tangga dan berkahwin awal. Berbanding golongan lelaki yang berpeluang pergi ke sekolah dan mencari pekerjaan.

Di Malaysia, sebelum era penjajahan tiada rekod adanya kartunis wanita. Namun selepas era penjajahan, muncul satu nama wanita disebalik puluhan nama kartunis lelaki iaitu Nora Abdullah. Seperti Raja Hamzah, Halim Teh, Osman Baru dan Alias Kulup yang menghasilkan komik solo pada masa itu, Nora turut menghasilkan komik solo pertamanya iaitu ‘Cik Siti Wan Kembang’ pada tahun 1963, seterusnya Duyung Emas, Armila, Pengasuh, Dugaan Ilahi, Ibu, Anak Angkat dan Gelombang Hidup.

Pada zaman kebangkitan majalah komik awal dekad 80-an muncul satu lagi nama kartunis wanita yang paling penting, prolifik dan terkenal iaitu Cabai atau nama sebenarnya Sabariah Jais. Karyanya ‘Tiga Dara Pingitan’ lahir pada tahun 1983 dan disiarkan dalam majalah Gila-Gila telah meletakkan nama Cabai sebaris dengan kartunis-kartunis penting negara (Mulyadi Mahamood, 2010:177).

Kejayaan kartunis Cabai mencipta nama dalam dunia komik yang didominasi oleh kartunis lelaki merupakan pencetus lahirnya kartunis wanita di Malaysia seperti Leen Mafia, Alin, Kouru, Sarah, Mona, Xanxevira, Virus AC dan Joan Suraya di awal tahun 2000 dan seterusnya sehingga kini. Namun, kehadiran kartunis wanita agak suram berbanding kartunis lelaki.

Aliran pemikiran kartunis wanita lebih tertumpu menghasilkan karya yang bersifat kekeluargaan, isu wanita dan kanak-kanak, kebudayaan dan pendidikan berbanding kartunis lelaki yang berkarya tanpa batas. Menurut Mulyadi (2010), Kartunis Brenda Star dari Amerika Syarikat merupakan cerminan kecekalan serta ketabahan wanita menghadapi era serta tugas mencabar. Dalam konteks ini, komik dan kartun meniupkan semangat juang serta menyemai keyakinan diri di kalangan pembaca, khususnya wanita dalam menghadapi era kepayahan hidup.

Hasil karya kartunis wanita penting dalam memberi dimensi baru pada pembaca, kerana karya kartunis wanita mengangkat wanita sebagai wira dan kanak-kanak sebagai watak utama berbanding kartunis lelaki yang masih menjurus tema ‘superhero’, perperangan, kepahlawanan, politik, keganasan, exploitasi wanita dan lawak antarabangsa yang menjadi tradisi rutin dalam penerbitan majalah humor dan komik. Ini kurang sesuai untuk peminat dan pembaca majalah humor dan komik yang kebanyakannya terdiri daripada golongan remaja dan kanak-kanak.

Kajian mengenai sejarah, perkembangan dan arah aliran kartunis wanita di Malaysia sangat penting kerana tiada lagi rekod dan usaha mendokumentasi sejarah kartunis-kartunis wanita di Malaysia secara menyeluruh. Jika ada pun hanya kajian mengenai kartunis wanita luar negara. Usaha ini amat penting agar generasi akan datang dan masyarakat luar negara tahu kewujudan kartunis-kartunis wanita di Malaysia yang tidak kurang hebatnya jika dibandingan dengan kartunis-kartunis lelaki di dalam dan luar negara.

Persoalan, 'Kenapa kartunis wanita kurang berbanding lelaki?' walaupun menurut Teori Tipologi Holland menggambarkan kaum lelaki lebih tertumpu kepada personaliti Realistik, Investigatif dan Enterprising. Manakala Personaliti Sosial pula digambarkan dimonopoli oleh ciri-ciri feminin seperti Sosial (S), Enterprising (E) dan Artistik (A) (Orzak, 1985; Koh dan Abdul Halim Othman, 1996). Namun jelas wanita amat kurang menjadi kartunis berbanding lelaki walaupun bidang ini mempunyai nilai Artistik (A) dan ciri-ciri feminine dalam Personaliti Sosial. Ini dibuktikan kekurangan jumlah kartunis dalam penerbitan majalah humor di Malaysia. Contohnya, Majalah Ujang sepanjang sejarah penerbitannya dari tahun 1994 hingga 2015 hanya mempunyai seorang kartunis wanita berbanding lebih 40 hingga 50 kartunis lelaki. Begitu juga sejarah penerbitan Majalah Gila-Gila, Gempak, APO, Humor, Gelagat, Batu Api dan banyak lagi majalah humor di Malaysia yang hampir keseluruhannya didominasi oleh lambakan kartunis lelaki.

Teori Feminisme Amerika lebih memberi perhatian kepada aspek tekstual, manakala teori Feminisme Britain cenderung kepada pengaruh Marxisme dengan menumpukan kepada penindasan terhadap kaum wanita. Teori Feminisme Perancis pula mementingkan aspek dalam jiwa atau lebih cenderung kepada psikoanalisis. Walaupun ketiga-tiga teori ini berbeza dari segi pandangan dan metodologi, namun kumpulan feminin ini mempunyai matlamat yang sama iaitu berusaha mendokong aspirasi wanita, memperjuangkan hak dan menyelamatkan wanita dari penganiayaan dan dipinggirkan. Dalam konteks ini menurut Dr. Mulyadi Mahamood (2010) jelas kartunis wanita berdepan dengan suatu cabaran untuk mengetengahkan karya serta meneruskan kerjaya mereka dalam suatu bidang yang didominasi oleh lelaki.

Teori Perkembangan Arnold Gesell (1925) menyatakan baka sebagai faktor utama, mempengaruhi perkembangan diri seseorang individu, kalau baik bakanya, baiklah individu yang akan berhasil. Kelancaran proses perkembangan individu dipengaruhi oleh kematangan fizikalnya. Kanak-kanak perempuan didapati lebih cepat akil baligh dan matang berbanding kanak-kanak lelaki. Kitab Durratun Nasihin ada menyatakan hadis 9:1 iaitu lelaki dianugerahkan 9 akal 1 nafsu, manakala wanita 1 akal 9 nafsu. Namun stigma ini hanyalah mendasar pada pemikiran sebahagian umat Islam sahaja, catatan sejarah terkini Malaysia telah membuktikan, wanita adalah setaraf dengan lelaki dalam soal kecerdasan akal (Dr. Juanda Jaya; 2010).

Menurut Teori Tugas Perkembangan Robert Havighurst (1952) alam sekitar mempengaruhi perkembangan individu. Teori Tipologi Holland pula menggambarkan tingkah laku vokasional seseorang dapat dijelaskan dengan melihat interaksi personaliti persekitaran (Holland, 1985:1997) Tingkah Tugas Perkembangan menunjukkan jangkaan ibu bapa dan masyarakat tentang tingkah laku atau kemahiran yang sepatutnya dikuasai oleh seseorang pada peringkat umur tertentu sehingga dewasa. Ini dibuktikan, para kartunis pada asalnya mereka adalah peminat kartun di media cetak dan elektronik semasa kecil, akhirnya setelah dewasa mereka ter dorong melukis sendiri kartun dan menjadi kartunis samada sepenuh masa atau separuh masa. Teori Tipologi Holland juga jelas menggambarkan kaum lelaki lebih tertumpu kepada personaliti Realistik, Investigatif dan Enterprising. Manakala Personaliti Sosial pula digambarkan dimonopoli oleh ciri-ciri feminine. Sejak tahun 1970'an, taburan kaum lelaki dan wanita dalam dunia pekerjaan didapati berbeza mengikut pekerjaan (Sim, 1995). Stereotaip pekerjaan berasaskan faktor jantina wujud dengan nyata di mana terdapat bidang

pekerjaan yang sering diklasifikasikan sebagai sesuai untuk satu kumpulan jantina dan tidak sesuai untuk jantina yang lain. Contohnya, pekerjaan sebagai juruteknik dan jurutera dikatakan sesuai untuk tret maskulin manakala pekerjaan seperti jururawat, guru dan pakar permakanan sesuai untuk tret feminine (Holland, 1997; Sidek Mohd Noah, 2002).

Kita masih tertanya apakah benar kerjaya kartunis ini mempunyai tret maskulin? Walaupun menurut Holland nilai seni dan artistik itu dikategorikan dalam Personaliti Sosial yang termasuk dalam tret feminin. Mugkin aliran pemikiran wanita kurang kreatif berbanding lelaki? Atau wanita kurang memiliki sifat-sifat humor berbanding lelaki? Justeru, kajian ini penting bagi melihat teori terdahulu dengan trend masa kini yang dalam senario dunia kartunis.

Antara kartunis wanita di Malaysia yang pernah menerima anugerah, ialah kartunis Nora era 1960'an, Penerima Anugerah Tangan Emas dari PEKOMIK (2009), Kartunis Cabai era 1980an (Majalah Gila-Gila) Anugerah Kartunis Popular dari PERKARTUN dan Anugerah Siri Kartun Terbaik (2016) dan pernah menerbitkan majalah humor sendiri iaitu 'Majalah Cabai', Kartunis Leen Mafia era 1990'an (Majalah Ujang) Anugerah Wanita Cemerlang dari Majalah NONA (2011), Kartunis Kouru era 2000 (Majalah Gempakstarz), Anugerah Komik Siri Terbaik dari PERKOMIK (2011), Kartunis Sarah awal 2000-an, Anugerah Kulit Album Terbaik dari Festival Industri Muzik Malaysia (2010) serta kartunis-kartunis wanita seperti Ida (Majalah Gila-Gila), Alin (Akbar & Majalah terbitan Utusan), Xanxevira (Kartunis Sambilan), Virus AC (Kartunis bebas), Mel Celestial (Kartunis bebas), Nishiki (Majalah Utopia), Jo (Kartunis bebas), Suraya (Majalah G3), Mona (Majalah Ujang), Nut'z (Kartunis bebas) dan beberapa kartunis wanita yang berkarya secara online.

Sejarah menunjukkan perkembangan tema, gaya dan cerita dalam komik dan kartun banyak dipengaruhi oleh perkembangan masyarakat dan zaman. Bagi kartunis wanita, dalam dunia penerbitan kartun dan komik yang didominasi lelaki, mereka bukan sahaja terpaksa bekerja keras untuk mendapat tempat, malahan terpaksa bersaing untuk melukis sesuatu tema dan cerita yang mereka inginkan. Pertengahan abad kedua puluh menyaksikan kartunis wanita masih perlu berjuang dan melalui liku panjang untuk berada di barisan hadapan dalam dunia kartun dan komik (Dr. Mulyadi Mahamood, 2010).

Di Amerika Syarikat sekitar tahun 1901, karya kartunis wanita mula mendapat tempat dan diterbitkan dalam akhbar-akhbar hari minggu seperti 'Bun's Puns' oleh Louise Quarles dan 'Tin Tan Tales for Children' oleh Grace Kasson dalam akhbar New York Herald (Trina Robbins, 1993). Tooners di Texas menjelaskan kenapa tidak ramai wanita mencebur ke bidang ini? Menurutnya, ketidak cukupan kartunis wanita adalah satu sebab kebanyakannya lelaki sahaja dalam industri komik di dunia, beliau bercakap semasa sessi mesyuarat 'Women in Cartooning' di National Cartoonist Society (NCS) di San Antonio, Texas. Walaupun ramai wanita sedang mencuba untuk berada di dalam industri komik namun laporan dari editor terkemuka seperti Jay Kennedy masih menunjukkan bahawa 80% daripada hasil karya kartun datang dari golongan lelaki. Pun begitu kebanyakannya pemerhati kartun masih tidak pasti kenapa perkara ini berlaku, tetapi melalui teori yang dibuat oleh Hilary Price pasaran kartun adalah seperti kumpulan muzik rock, ianya adalah berkenaan dunia lelaki

jika ramai pelukis remaja adalah perempuan maka satu hari nanti kartunis wanita juga akan ramai seperti kartunis lelaki. ‘Semasa saya mula-mula menceburi bidang ini, kartunis wanita adalah paling sukar untuk dijumpai,’ kata kartunis wanita Hilary Price yang juga pencipta ‘Rhymes With Orange’.

Berdasarkan E&P’s 1989 Syndicate Directory, hanya 2 daripada 60 sindiket terulung kartunis ialah wanita. Eliot (1995) percaya, walaupun kartunis wanita berkurangan tetapi penambahan wanita sebagai editor majalah humor sedikit sebanyak memberikan kesan yang baik dalam perkembangan industri komik. Sesetengah wanita berjaya berkarya dalam internet apabila panelis Paige Braddock editor grafik untuk Atlanta Constitution Jurnal mencipta komik berasaskan internet ‘Jane’s World’ (www.pb9.com). Oleh kerana ramainya kartunis lelaki maka karya mereka selalunya akan berkisar tentang dunia lelaki dan kadang-kadang lebih optimis kepada perkara yang tidak berkaitan langsung, tetapi sebagai kartunis wanita, isu-isu berkaitan wanita hanya akan lebih difahami oleh kartunis wanita. Mengikut kajian golongan pembaca terbesar, termasuk majalah, akhbar dan iklan adalah wanita. Menurut Anne Gibbons, pencipta New York Citybased, terdapat banyak permikiran berbeza di kalangan kartunis wanita sepetimana terjadi dalam kalangan kartunis lelaki. Ini dibuktikan dari kajian Dr. Mulyadi Mahamood (2010) yang menyatakan kartunis lelaki lebih tertumpu menghasilkan karya tema mencabar seperti komik aksi lasak dan kepahlawanan manakala karya kartunis wanita lebih tertumpu pada tema kekeluargaan, alam kanak-kanak, gelagat gadis remaja dan gaya berpakaian atau fesyen wanita.

National Cartoonist Society (NCS) di San Antonio, Texas ada menyatakan jumlah kartunis wanita telah meningkat, walaupun secara perlahan sepanjang satu dekad yang lepas. Syndicate Directory memberi senarai terbaru iaitu 16 kartunis wanita dengan 4 kartunis wanita terulung. NCS yang mempunyai 650 jumlah ahli kartunis dari pelbagai latar belakang, jenis kartun yang berbeza dan tema yang pelbagai tetapi masih hanya mempunyai 36 ahli kartunis wanita sahaja. Dua daripada mereka, ialah Cathy, pencipta Cathy Guisewite daripada University Press Syndicate dan Lynn Johnston pencipta ‘For Better or For Worse’ daripada United Media. Komik mereka bermula pada tahun 1976 and 1979 dan beberapa pertubuhan komik, akhbar dan penerbitan komik terdahulu berpendapat, bahawa hanya 2 kartunis wanita sudah mencukupi bagi memberi gambaran tentang wanita, walaupun terdapat 200 kartunis lelaki yang mempunyai perspektif seorang lelaki (Astor, David, 1999).

Perhimpunan Kartunis Antarabangsa yang telah di adakan tahun 1990, menyaksikan kartunis Nina Paley memperjuangkan nasib kartunis-kartunis wanita melalui penghasilan karyanya. Kartunis wanita tempatan, seperti Leen Mafia banyak menghasilkan karya tentang perjuangan, penindasan dan kesusahannya menjadi kartunis wanita pertama dalam Majalah Ujang melalui karyanya ‘Leen Mafia Real Life’ (2000). Sesungguhnya menjadi kartunis adalah satu anugerah yang sangat istimewa, kerana mereka menyalurkan maklumat dengan cara yang kreatif, menarik dan menghiburkan hanya dengan menggunakan beberapa garisan dan coretan ringkas. Mereka adalah seniman masyarakat yang berperanan merakam isu-isu semasa, politik, sosial, kebudayaan, pendidikan dan sebagainya menjadi sejarah yang mudah untuk diingat oleh setiap lapisan masyarakat. Namun keseimbangan kartunis wanita dan lelaki perlu bagi melahirkan karya yang pelbagai untuk merangsang industri kreatif tanahair.

Rujukan

- Astor & David, 36-37, May 22, 1999, Nielsen Business Media, New York
- Chris Ryall and Scott Tipton, (2008), *Comic Books 101: The History, Methods and Madness*, IMPACT Books, an import of F+W Media, Inc.
- Dewan Siswa, Pak Jab Raja Kartun Malaysia, Issue Ogos 2000 15, Dewan Siswa, Media Network Sdn. Bhd.
- Hamedi Mohd Adnan, [2007], *Daripada Umum Kepada Khusus : Orientasi Pasaran Majalah Melayu, Jurnal Pengajian Media Malaysia*, [67] Jilid 9 No 1,
- Hamedi Mohd Adnan, *Majalah-Majalah Humor Melayu dan Cabaran Pemasarannya, Jurnal Komunikasi*, [93-114] Jilid 13 & 14,
- John Gray (2011), *Men Are From Mars, Women Are from Venus* [Edisi Bahasa Melayu], PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Mulyadi Mahamood, (1999), *Kartun dan Kartunis*, Univision Press, Selangor.
- Mulyadi Mahamood. (2010). *Dunia Kartun: Menyingkap Pelbagai Aspek Seni Kartun Dunia Dan Tempatan*. Creative Enterprise Sdn Bhd.Kuala Lumpur
- Mulyadi Mahamood. (2004). *The History Of Malay Editorial Cartoons*. Kuala Lumpur, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mulyadi Mahamood. (1993). *Mendekati Seni Lukis Dan Seni Reka*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mulyadi Mahamood. (2001). *Seni Lukis Moden Malaysia Era Perintis Hingga Era Pluralis (1930-1990)*, Kuala Lumpur, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mulyadi Mahamood (2000). *Mendekati Seni Lukis dan Seni Reka* (2nd ed.). Beberapa Keistimewaan Kartun (108), Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mulyadi Mahamood (2001) *Seni Lukis Moden Malaysia Era Perintis Hingga Era Pluralis (1930-1990)* Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Scott McCloud, (1993) *Understanding Comics, The Invisible Art*. HarperCollins Publisher, New York.
- Noraini Ismail, Sidek Mohd Noh, (Jun 2006) Profil dan Keselarasan Kerjaya di dalam Dunia Pekerjaan Maskulin dan Feminin di Daerah Petaling, *Jurnal Teknologi*, 44(E) m.s:31-44.
- Noorhazalen Saad, (2010), *Perkembangan Komik di Malaysia, Jurnal Akademik Seni ISI*, FSSR UiTM Melaka [m.s:27-37]
- The Phaidon Team, (1996) *Comics, Comix & Graphic Novels: A History of Comic Art*. Phaidon Press Inc.
- Steven Withrow, (2003) *Toon Art; The Graphic Art of Digital Cartooning*, Page One Publishing.
- Trina Robbins, A Century of Women Cartoonists, Dis 1993
- Trina Robbins, Great Women Cartoonists Nov 2001
- Trina Robbins, Catherine Yronwode, Women and The Comics, Jun 1985
- Majalah Gempak, isu 271, Art Square Creation Sdn. Bhd. Bandar Tasik Selatan (2011)
- Majalah Ujang, isu 410, MOY Publication Sdn. Bhd. UEP Subang Jaya (2011)
- Majalah Gila-Gila, isu 726, Creative Enterprise Sdn. Bhd. Bangsar Utama (2011)
- Majalah G3, isu 92, Grup Majalah Karangkraf, Shah Alam (2011)

28		
Dr Liza Marziana Binti Haji Mohammad Noh		
30	46	
Siti Sarah Binti Adam Wan	Azni Hanim Binti Hamzah	
32	48	
Zahara Binti Haji Ramli	Shaliza Binti Dasuki	
34	50	
Dr Sharmiza Binti Abu Hassan	Fazlina Binti Mohd Radzi	
36	52	
Dr Haslinda Binti Abdul Razak	Nurkhazilah Binti Idris	
38	54	
Noorhazleen Binti Saad	Salmah Binti Ali	
40	56	
Dr Noor Hafiza Binti Ismail	Shafirah Binti Shaari	
42	58	
Wan Nur Khalisah Binti Shamsudin	Wan Nur Ayuni Binti Wan Mohd Zin	
44	60	
Rosaliana Binti Rahim	Shahariah Binti Mohamed Roshdi	
62		
	Nur Hasliza Binti Abdulah	



64

Dona Lowii Binti Madon

66

Aidah Binti Alias

68

Norsharina Binti Samsuri

70

Nor Fariza Binti Baharuddin

72

Nik Narimah Binti Nik Abdullah

74

Farihan Binti Zahari

76

Anith Liyana Binti Amin Nudin

78

Nurhikma Binti Yusof


80

Nor Arseha Binti Karimon

82

Faranisha Binti Mohd Sarif

Dr Liza Marziana Binti Haji Mohammad Noh | Siri Topeng | 2018 | Pensil |





Dr Liza Marziana Binti Haji Mohammad Noh

Keterangan Karya


Siri topeng menyingkap etos wanita. Wanita adalah seorang pejuang. Disebalik kelembutannya tersirat kegigihan dan kekuatan dalam menjalani setiap aspek kehidupan. Mulai dari yang terkecil iaitu dalam keluarga tentunya tanpa kehadiran seorang wanita atau ibu akan terasa kelainannya. Wanita juga mampu bekerjasama dalam hal apapun, dalam kehidupan masyarakat, sebagai rakan sekerja, juga sebagai pendukung atau pemberi motivasi bagi orang lain. Topeng menyingkap pelbagai 1001 kisah disebaliknya. Kisah yang terselindung disebalik kekuatan yang dimiliki oleh seseorang wanita itu sendiri. Melihat pada kecekalan dan ketabahan tokoh wanita terdahulu seperti Ibu Kartini, kita pasti sudah maklum bahawa beliau merupakan salah satu pelopor wanita yang berjuang sehabis baik untuk meningkatkan taraf kehidupan seseorang wanita dari segi aspek kehidupan dan juga pendidikan.

“

*Topeng menyingkap
pelbagai 1001
kisah disebaliknya,
kisah yang
terselindung di
sebalik kekuatan
yang dimiliki oleh
seseorang wanita
itu sendiri*



Siti Sarah Binti Adam Wan | Muka Taip Pakis moden | 2018 | Pensil |



Siti Sarah Binti Adam Wan

Keterangan Karya

Pemilihan muka taip adalah penting dalam menentukan rekaan yang dibuat adalah menarik untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Muka taip yang dipilih oleh setiap pereka, hendaklah sesuai dengan tema yang dipersembahkan agar ia dapat dihayati dan memberi kesan yang bermakna terhadap orang yang melihatnya. Ia juga boleh digunakan sebagai tanda dagang, logo, pengiklanan dan pelbagai lagi. Muka taip tidak semestinya digunakan di dalam bentuk digital, ianya juga dapat digunakan di dalam seni kontemporari ukiran kayu, mural, graffiti dan lain-lain.

66

Moden Pakis Muka Taip yang disketsakan oleh pereka adalah gabungan fon moden dan motif ukiran kayu tradisional dan dijadikan satu muka taip yang unik, beridentitikan kemelayuan.



Muka taip boleh dihiasi dengan pelbagai corak dan motif agar kelihatan lebih menarik mengikut kesesuaian pada sesuatu konsep rekaan. Ia diklasifikasikan sebagai muka taip berdekorasi. Moden Pakis Muka Taip yang disketsakan oleh pereka adalah gabungan fon moden dan motif ukiran kayu tradisional dan dijadikan satu muka taip yang unik, beridentitikan kemelayuan. Terdapat banyak muka taip yang terdapat di laman sesawang yang boleh dimuat turun, tetapi kebanyakannya muka taip yang didapati ini tidak ada yang berunsurkan identiti Melayu.

Oleh demikian, melalui sketsa ini, ia dapat membuktikan motif beridentitikan Melayu dapat dikombinasikan dengan menarik bersama fon moden. Motif kaluk pakis ini telah digayakan pada stem fon yang kelihatan kukuh dan boleh digunakan untuk penyampaian visual komunikasi yang bersesuaian dengan tema. Visual komunikasi yang sesuaian untuk penggunaan muka taip berdekorasi ini adalah seperti untuk penerbitan hiasan kulit buku dan majalah, pengiklanan seperti poster dan reruai, identiti korporat seperti logo dan papan tanda, dan lain-lain lagi. Secara tidak langsung, ia boleh mempromosi identiti Melayu melalui muka taip dekorasi yang ber motifkan elemen-elemen Melayu tempatan, bukan sahaja di dalam negara malah ke luar negara.



Zahara Binti Haji Ramli | 878 Series | | 2018 | Marker & Pen |

Zahara Binti Haji Ramli

Keterangan Karya

Rumahku syurgaku. Inspirasi laman tropika idea tersendiri, susun atur dan gaya gazebo dengan kesuburan heliconia mariae berwarna merah gelap , disamping persekitaran kolam dengan tumbuhan dedaun hijau , keharuman kesidang, cempaka , melur dan kenanga, menyerlahkan keunikan satu daripada sudut santai kami sekeluarga. Ekspresi lakaran pen dan marker secara tulus bersahaja di atas kertas adalah untuk menggambarkan kebahagian dan ketenangan kehidupan yang dilalui. Olahan idea diterjemahkan dengan kepelbagai sifat garisan organik , juga bagi mendapatkan kesan ruang diperluaskan dua dimensi. Keharmonian lestari kehijauan campuran warna semulajadi, melalui kreativiti melahirkan satu catatan mewakili penghuninya.


“

878 Series II | 2018 | Marker & Pen |





Dr Sharmiza Binti Abu Hassan | Muqarnas Series | 2018 | Dakwat atas kertas |





Dr Sharmiza Binti Abu Hassan

Keterangan Karya

Inspirasi ini lahir setelah membaca dan mendengar Syair Siti Zubaidah, yang juga antara protagonis SriKandi Melayu yang berjuang demi kasih, ketaatan dan keberanian nya berjuang pada agama, keluarga dan negara. Dalam siri sketsa ini, bentukan utama yang digambarkan adalah ‘Muqarnas’. Bentukan Muqarnas berupa hiasan pada seni bina Masjid yang berasal dari Iran yang juga merupakan identiti yang signifikan dalam dunia seni rekaan Islam selain geometri / arabesque dan kaligrafi. Muqarnas antara unit hiasan yang mewakili Islam, ia dipilih sebagai satu motif yang menjadi representasi diri yang diperkembangkan kajiannya secara dua dan tiga dimensi. Simbol ini dikaitkan dengan naratif syair Siti Zubaidah sebagai seorang wanita yang taat kepada agamanya. Sketsa 1 yang menggambarkan bentuk hati dimetaforakan sebagai bentukan yang mewakili kejiwaan Siti Zubaidah sebagai srikandi Melayu Islam yang jitu dan unggul. Sementara siri yang lain menggabungkan naratif-naratif pendirian pelukisnya dan persekitaran yang didepani. Binaan muqarnas selalunya berada di gerbang, dalaman kubah, dan tiang-tiang utama seni bina masjid.

Di Melaka, pengaruh bentukan Muqarnas yang dimodenkan boleh di lihat pada seni binaan di Masjid Selat. Seperti jatuhannya stalactite/stalacmite yang berada di ruang gua, bentukan muqarnas mujarad tetapi merupakan motif yang kompleks dan dekoratif sifatnya. Perulangan bentuk ‘concave’ yang berulang-ulang juga mirip seperti sarang – sarang serangga / unggas yang menakjubkan menggambarkan kebesaran Penciptanya. Bentuk berulang puncak kubah yang melengkung seakan memberi ruang teduh, selamat , tempat berlindung dan secara fizikal menawar pencahayaan yang dramatik lagi natural. Naratif secara keseluruhannya dalam siri sketsa ini mewakili situasi pelukisnya yang berhijrah ke tempat baru, bersedia mendepani situasi ujian dan cabaran umpama gelora & badai di lautan yang digambarkan. Buah kelapa (buah sinonim dalam budaya Melayu) yang hanyut mewakili simbol harapan & adat, rutin Melayu yang mengiringi pelayaran. Simbol burung yang memerhati dari angkasa berkait dengan pesanan dan nasihat dari orang yang terdahulu yang sentiasa memerhati, justeru perlu di bawa bersama sebagai pedoman dan warisan penting untuk meneruskan pelayaran dalam rutin hidup yang sekarang. Dr Sharmiza Abu Hassan Ogos 2018 Melaka

Dr Haslinda Binti Abd Razak

Keterangan Karya

Bunga Tanjung merupakan salah satu flora yang senonim dengan masyarakat Melayu. Penggunaannya banyak dipraktikkan untuk aspek kecantikan, perubatan, perhiasan, malahan dijadikan motif hiasan di dalam seni kraf. Motif bunga tanjung ini terdapat pada tenunan songket, ukiran kayu, tembikar malah sebagai corak dalam batik. Walaupun saiz bunganya yang kecil serta berwarna putih kekuningan tetapi mempunyai nilai aroma yang kuat dan sering dikaitkan dengan perkara-perkara mistikal. Malahan ianya turut dijadikan sebagai inspirasi di dalam penghasilan puisi, pantun, lagu dan sajak.


Lebat daun bunga tanjung,
Berbau harum bunga cempaka,
Adat dijaga pusaka dijunjung,
Baru terpelihara adat pusaka.

Keindahan flora ini memberikan inspirasi kepada saya untuk mengkaji, melakar dan mengolah keunikan bunga tanjung sebagai subjek kajian. Penekanan terhadap gabungan lakaran bunga dan motif bunga tanjung yang telah disimplifikasi dan disusun di dalam komposisi yang memberi fokus kepada bunga itu sendiri. Bunga tanjung adalah sebahagian daripada siri-siri kajian bunga-bunga Melayu yang akan dihasilkan bagi menghargai keindahan alam anugerah daripada pencipta dan mengekalkan kepentingan mengenali budaya tradisi.

66



***Lebat daun bunga tanjung,
Berbau harum bunga cempaka,
Adat dijaga pusaka dijunjung,
Baru terpelihara adat pusaka.***




Dr Haslinda Binti Abd Razak | Bunga Tanjung #1 | 2018 | Pensel |



Noorhazaleen Binti Saad | Cipuding 1 | 2002 - 2018 | Dakwat atas kertas |

Noorhazaleen Binti Saad
Keterangan Karya

Cipuding, Ben, Tam, Enot, Eow, Oyen, Bear, Frisen, Mail, Kodi, Kazim, Aisyah, Sabatini, Melati, Marco, Rico dan pelbagai nama menarik merupakan kucing peliharaan pelukis dari kecil sehingga kini. Kenangan hidup bersama makhluk kesayangan Rasulullah s.a.w ini, menjadikan pelukis lebih kreatif dalam berkarya sehingga setiap karya kartun beliau memiliki watak kucing comel yang dilukis dengan pelbagai gaya dan karakter.




Noorhazaleen Binti Saad | Cipuding 2 | 2002 - 2018 | Dakwat Ink diatas kertas |



Keterangan Karya

'Cipuding' nama unik seekor anak kucing yang suka makan pokok puding yang ditanam oleh ibu pelukis di era 80'an. Setiap pagi sebelum ke sekolah, sambil menunggu bas, pelukis akan bermain bersama Cipuding. Pulang sekolah, Cipuding setia menunggu pelukis pulang sambil memakan pokok puding di depan rumah mereka di Felda Sungai Koyan, Raub Pahang.



Dr Noor Hafiza Binti Ismail | Satu Cinta Tiga Jiwa | 2018 | Pen |

Dr Noor Hafiza Binti Ismail

Keterangan Karya

Satu Cinta Tiga Jiwa membawa maksud keabadian cinta diantara tiga orang manusia yang saling melengkapi kehidupan bersama. Satu Cinta Tiga Jiwa turut dikaitkan dengan kehidupan sebuah keluarga pada ketika ini. Di dalam karya ini, ia menyentuh tema wanita dalam penglibatan seni semasa. Seni sebagai satu sentuhan idea menyampaikan segala luahan perasaan. Ia mampu dilihat dan dirasai melalui pengamatan dan pemerhatian menggunakan hati yang bersih. Manakala dalam kehidupan sehari-hari tidak di nafikan wanita turut memainkan peranan penting sebagai agen pengerak sesuatu organisasi. Ia bukan sahaja kepada seni dan masyarakat tetapi kepada sesebuah keluarga dalam melahirkan generasi yang kreatif serta berilmu.

Karya yang mengetengahkan konsep doodle melalui penggunaan pen dan warna batik bagi mengambarkan hitam putih kehidupan yang diserikan dengan pelbagai karenah perangai melalui keindahan warna-warni yang menceriakan. Dimana ia memberi gambaran setiap kehidupan itu ada pasang surut seperti deruan ombak yang tidak pernah berhenti mengalir menghempas ke pantai. Jika dilihat ombak itu terlalu ganas bergerak di lautan yang luas namun pada masa yang sama ia memberi alunan ritma bunyi yang menyegarkan untuk didengari. Begitu juga dalam kehidupan yang penuh dengan rasa cinta. Ia diserikan dengan rasa kesyukuran pada Allah S.W.T melalui penggunaan elemen alam semulajadi yang terdiri daripada dedaunan dan bungaan bagi mengambarkan kelembutan dan ketegasan wanita dan ibu dalam sesebuah keluarga.

“



Karya yang mengetengahkan konsep doodle melalui penggunaan pen dan warna batik bagi mengambarkan hitam putih kehidupan yang diserikan dengan pelbagai karenah perangai melalui keindahan warna-warni yang menceriakan.

Wan Nur Khalisah Binti Shamsudin

Keterangan Karya


Bunga... sangat sinonim dikaitkan dengan wanita. Tapi, pernahkan kita terpikir kenapa Bunga selalu dikaitkan dengan wanita? Bunga Rose adalah salah satu bunga selalu kita agungkan tetapi adakah anda tahu bahawa banyak bunga-bunga lain yang sangat mendalam dan hebat simboliknya. Setiap bunga mempunyai akar, dahan, daun, bunga, warna, bentuk yang tersendiri. Bagi penghasilan karya ini, 6 bunga yang mungkin jarang kita kaitkan telah dipilih sebagai inspirasi karya. 1. "Zinnia" mempunyai bentuk asas yang kita lukis sewaktu zaman kanak-kanak. "Zinnia" mempunyai perwatakan tersendiri dan keperibadian bunga ini melambangkan seorang teman yang sentiasa dihati walaupun jarang dijumpai. 2. "Globe Amarant" pula berbentuk bulat dan kelihatan padat dan teguh. "Globe Amarant" mempunyai daya tarikan keperibadian yang sangat sejati kerana maksud bunga ini adalah kabadian dan cinta yang suci. 3. "Amarantus" adalah salah satu bunga yang berpawatakan dan mempunyai bentuk yang dominan dan begitu juga dengan maksud disebalik bunga ini. "Amarantus" bermaksud tidak pernah pudar, yang mana sentiasa bersinar dan gemilang. 4. "Cosmos" adalah lambang pemerintahan yang harmony. Sesuai dengan bentuknya yang sedikit feminin tetapi teguh dan berpendirian. 5. "Baby Breath" selalu digunakan untuk perhiasan sebagai pemanis dan penyeri bagi wanita. Bersaiz kecil tetapi sangat feminine dan berseri. "Baby Breath" pula adalah lambang dan simbolik kepada cinta abadi yang suci. 6. "Tulips" sangat dikenali sebagai satu simbolik kepada elegan dan berkelas tinggi. Bentuknya yang sangat kemas dan berkelopak besar sangat mencerminkan maksud disebalik Bungan ini. Cinta yang sempurna dan kekal untuk pasangan dan keluarga, itulah "Tulips". Ciri-ciri yang selalu dikaitkan dengan wanita adalah bersifatkan hati, suci, setia, patuh, pendirian dan bersinar. Begitu jugalah dengan bunga-bunga yang telah dipilih sebagai inspirasi pada karya ini yang bersimbolik perwatakan wanita. Oleh yang demikian... "What flower are you...?".

“

What flower are you...?



Wan Nur Khalisah Binti Shamsudin | What Flower Are You...? | 2018 | Pen |



Rosaliana Binti Rahim | Beauty & Myth | 2018 | Marker & Pen |



Rosaliana Binti Rahim

Keterangan Karya

masalah penyimpanan peralatan menjahit. Reka bentuk dan kekemasan produk ini kelihatan seperti sebuah beg yang dibahagikan kepada 4 bahagian dan boleh digulung untuk memudahkan dibawa kemana-mana. *Pencil holder* yang berinspirasikan daripada phoenix mempunyai reka bentuk yang berbeza dimana sayap dibahagian hadapan menggunakan konsep kinetik yang melibatkan *psychomotor* pada bahagian jari dan menarik minat pengguna terutamanya golongan kanak-kanak semasa menggunakannya.

Produk *Beauty & Myth* ini dijangka mampu bersaing dengan produk seumpamanya dipasaran kerana keunikan bentuk serta lakaran seni batiknya yang tersendiri yang mempunyai nilai estetik, nilai komersial, fungsi dan mengikut kehendak pasaran global.

Beauty & Myth adalah tema yang diangkat dalam penghasilan motif batik dan rekabentuk produk. Nilai kecantikan dan mitos dalam burung *phoenix* menjadi subjek utama untuk menjadikan burung phoenix sebagai sumber inspirasi. Bermula daripada proses olahan idea dan lakaran, daripada reka corak motif batik hingga ke rekabentuk produk. Pemilihan warna yang digunakan adalah warna-warna yang panas dan terang untuk memberikan penegasan dalam penghasilan produk bermotifkan batik ini. Dalam merekabentuk produk ini, iaitu *boots*, *aircraft*, *sewing kit* dan *pencil holder*. Secara keseluruhannya idea rekabentuk produk ini dihasilkan daripada kombinasi pelbagai bahan iaitu batik, kayu dan kulit.

Boots yang bermotifkan batik, dimana rekabentuknya khusus kepada golongan *bikers*, kerana penggunaan batik dan kulit bersesuaian dengan imej kumpulan sasaran yang dijangka dapat mempromosikan batik ke tahap yang lebih tinggi. Manakala *Aircraft* dikategorikan sebagai barang hiasan mahupun cenderamata kerana adanya motif batik yang menjadikannya lain daripada produk kraf yang sedia ada. *Sewing kit* dipilih bagi kategori pembungkusan kreatif kerana dapat menyelesaikan

Keterangan Karya

Roda pada mulanya digunakan untuk kendaraan. Buktiya adalah dengan kewujudan pengangkutan mengangkat barang pada 3500 SM di Mesopotamia. Pada 300 tahun kemudian roda dijumpai dengan kewujudan kereta kuda. Sifatnya bulat diukur dengan diameter dan jejari.


Pada masa kini roda menjadi kepentingan kepada kendaraan untuk mengerakkan dari satu tempat ke tempat yang lain. Roda perlu berputar setiap hari supaya sampai ke destinasi yang dituju. Tahap putaran perlu laju untuk sampai ke destinasi lebih cepat. Roda adalah dekat dengan automotif yang sememang sinonim dengan lelaki. Namun begitu, dalam peredaran zaman yang moden ini wanita juga perlu tahu mengenai pengendalian kendaraan termasuklah roda.

Kewujudan roda dalam seni seperti '*Color Wheel*' roda warna adalah antara teori seni yang meliputi tiga bahagian warna asas, warna sekunder dan warna tertier. Penghasilan lukisan lakaran pada zaman renaissance oleh Leonardo Da Vinci juga memperlihat penciptaan kenderaan yang beroda pada ketika itu.

Melalui sudut psikologi pengurusan stress atau tekanan terdapat teori '*Wheel of life*' atau roda kehidupan yang bermaksud memberi kesimbangan dalam kehidupan. Antaranya hubungan dengan Allah s.w.t hubungan keluarga, kerjaya, kehidupan sosial serta impian yang ingin dikecapi. Melalui agama juga hidup diibaratkan umpama roda yang kadang kala di atas dan kadang kala di bawah dan tiada terkecuali daripada ujian penciptaNya.

Berdasarkan sudut Sains pula kitaran hidup atau '*lifecycle*' melihat proses jangka hayat dari awal kelahiran hingga dewasa. Kesimpulannya kehidupan sememangnya mempunyai kaitan dengan roda sama ada dalam bidang seni, bidang fizik, biologi, kejuruteraan, psycologi dan agama.

“




Kewujudan roda dalam seni seperti '*Color Wheel*' roda warna adalah antara teori seni yang meliputi tiga bahagian warna asas, warna sekunder dan warna tertier.

Wheels were invented 3500 B.C
and rapidly spread across the
Eastern Hemisphere.




In Mesopotamia - 300 years before someone
figured out to use them for chariots.
The ancient Greeks invented western
philosophy...; and the wheel barrow.





Shaliza Binti Dasuki | Ibu & Anak : Siri I & II | 2018 | Pen atas kertas |

Shaliza Binti Dasuki



Keterangan Karya

Wanita adalah kejadian manusia yang istimewa. Banyak sekali kisah-kisah daripada Al-Qur'an, hadis Nabi dan riwayat-riwayat yang menceritakan perihal kelebihan wanita dan anak perempuan. Dari semenjak kelahiran seorang anak perempuan, Allah SWT telah memberikannya kelebihan. Diriyatkan Sayyidina Abdullah Ibn Mas'ud apabila pulang dan melihat akan anaknya, segera dia memeluk anak perempuannya itu dan mengatakan bahawa dia adalah (anak perempuannya) penyelamatnya daripada api neraka. Inilah kelebihan seorang anak perempuan. Walaupun anak lelaki sering diberi keutamaan, namun disisi Allah telah memberikan fadilat keutamaan keatas anak-anak perempuan. Dalam satu kuliah agama Habib Ali Zaenal Abidin Al-Kaff, telah menceritakan suatu kisah mengenai anak perempuan. Kisah yang berkaitan dengan ketaqwaan dan kesolehan Ulama Malik Ibn Dinar yang pada asalnya bukanlah seorang yang soleh. Akan tetapi asbab terlihat suatu kejadian, beliau telah berhijrah dan mengajak pula kepada orang lain untuk berhijrah kepada jalan yang lebih baik. Dikisahkan pada suatu waktu, Malik Ibn Dinar telah pergi ke pasar dan melihat dua lelaki berebutan. Seorang lelaki yang bertubuh kecil sedang memegang sesuatu perhiasan, biarpun perhiasan itu murah tetapi dipegang seeratnya seakan ia adalah suatu perhiasan yang berharga. Manakala seorang lagi berbadan besar itu pula mengganggu dan ingin merampas perhiasan milik lelaki tersebut. Lelaki yang kecil dan lemah itu terus berkata, "wahai fulan! Semoga Allah SWT menyiksamu dihari kiamat, kerana aku ialah orang yang engkau zalimi.

Aku tidak keluar dari rumahku menuju ke pasar ini kecuali kerana aku telah mendengar hadis Rasullullah SAW, ("Siapa yang keluar dari rumahnya, dan datang ke pasar orang muslim, kemudian dia membeli salah satu benda. Kemudian dia membawa benda itu ke rumahnya, lalu diberikan benda tersebut kepada anak perempuannya, maka orang tersebut akan dipandang oleh Allah dihari kiamat, dan ketika Allah sudah memandang kepada seorang hamba, hamba tersebut tidak akan diazab oleh Allah"), akan tetapi engkau zalmi kepadaku, aku akan lihat bahawa sesungguhnya balasan Allah amatlah besar'. Malik Ibn Dinar yang telah mendengar daripada kata-kata tersebut, lantas tersentuh hatinya lalu dia mendatangi lelaki yang berbadan besar itu, lalu dimarahnya, "kau harus kembalikan benda itu kepada dia! Kerana ini adalah hak dia".

Lalu dikembalikanlah barang itu kepada yang punya hak, lalu pergi. Orang yang tidak memiliki harta itu tadi sebaik mendapat kembali haknya, dia melihatnya lalu dicium-cium kerana berbahagia lalu berkata, "anakku, nanti aku pulang pasti berbahagia denganku" dan terus berlari pulang, lantas dipanggil oleh Malik Ibn Dinar, "wahai fulan, kemari engkau". Katanya lagi, "nanti kalau engkau sudah kembali ke rumahmu, dan engkau telah berikan benda ini kepada puterimu, dan mereka berbahagia, tololnglah doakan Malik Ibn Dinar supaya menjadi orang yang soleh. Supaya saya menjadi orang yang dekat kepada Allah, menjadi orang yang mahu berhijrah". Maka pulangkah lelaki tersebut dan mendoakan Sayyidina Malik Ibn Dinar. Beliau kemudiannya berhijrah dan menjadi salah seorang pemimpin Ulama Muslim pada masa itu. Daripada asalnya seorang yang bermaksiat kepada Allah selama bertahun-tahun, telah menjadi orang yang paling dekat kepada Allah kerana mahu berbuat baik kepada orang lain. Demikian salah satu kisah yang menceritakan kelebihan memiliki anak perempuan. Maka selalu-selalu kita membahagiakan anak-anak perempuan kita, kelak mereka akan menjadi penyelamat kita diakhirat kelak.

Fazlina Binti Mohd Radzi

Keterangan Karya

'Selagi Tun Fatimah berbintikan Bendahara, sekali dagingku dicincang lumat.... namun menyerah tidak sekali!' Dialog di atas dipetik dari filem melayu lama keluaran Cathay Keris bertajuk Tun Fatimah, yang dilakonkan oleh Primadona Melayu Data' Sri Maria Menado. Watak Tun Fatimah di dalam filem tersebut adalah adaptasi dari naskhah tentang sejarah Negeri Melaka di mana Tun Fatimah adalah merupakan isteri Sultan Mahmud Shah yang kelima. Beliau berketurunan Tamil Muslim. Seorang gadis biasa yang memiliki rupa paras yang cantik. Merupakan puteri kepada Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir Tun Ali, putera hasil perkahwinan Tun Kudu (bekas permaisuri Sultan Muzzafar Shah yang juga bekanda bagi Bendahara Tun Perak) Penghulu Bendahari Seri Nara Diraja Tun Ali.


Tun Mutahir adalah Bendahara Melaka pada waktu pemerintahan Sultan Mahmud Shah. Tun Fatimah memerintah Melaka seperti "Bendahara Perempuan" (menyambung watak almarhum ayahandanya Tun Mutahir) membantu suaminya. Dilaporkan bahawa pihak Portugis lebih gerun kepadanya daripada Sultan Mahmud sendiri. Selepas Melaka kalah kepada Portugis dalam tahun 1511, Tun Fatimah telah bertanggungjawab dalam perjuangan merampas kembali Melaka dan dalam mendirikan Empayar Johor sebagai saingan yang hebat bagi pihak Portugis, Tun Fatimah menguatkan Empayar Johor dengan mewujudkan pakatan dengan kerajaan-kerajaan berjiran melalui perkahwinan putera-puterinya dengan keluarga-keluarga diraja Aceh, Minangkabau and Borneo. Keberaniannya dan ketegasannya didalam perang dan pemerintahan menyebabkan baginda digelar Srikandi Melaka.

“

*Keberaniannya
dan ketegasannya
didalam perang
dan pemerintahan
menyebabkan baginda
digelar Srikandi Melaka.*



Fazlina Mohd Radzi | Tun Fatimah | 2018 | Uni Pen |



Nurkhazilah Binti Idris | Dipterokarp | 2018 | Media Campuran |

66


Keterangan Karya

Dipterokarp adalah penterjemahan rohani dalam karya seni yang diinspirasikan dari alam semula jadi sebagai garapan utama tema. Ia memperlihatkan pemilihan bentuk flora tropikal alam nusantara yang digayakan dalam teknik bukan naturalistik atau turut dikenali sebagai gaya semi abstrak dengan aplikasi media cat air dan pensil warna. Variasi pemilihan warna-warna panas serta teknik lorekan berus yang spontan turut menyuntik nilai nada harmoni dan ia seterusnya memberikan impak kontekstual ideologi Islami dalam proses penghasilan karya ini. Paksi utama dalam elemen kontekstual ideologi konsep ini adalah menyatakan tentang kebesaran dan kebijaksaan Allah S.W.T yang mustahil ditandingi oleh pengkarya Islami yang dizahirkan dalam nilai simbolisma yang memperlihatkan makna melalui penyatuan elemen visual dan nilai intrinsik. Interpretasi nilai simbolisma karya ini diterjemahkan dalam makna tersirat yang didasarkan dari penggunaan bentuk tumbuhan hijau hutan khatulistiwa dan aplikasi warna-warna warna panas yang menjurus kepada memartabatkan elemen warisan kebudayaan alam nusantara kepada masyarakat global terutamanya generasi muda. Manakala simbolisma makna bagi warna-warna panas seperti kuning, hijau terang dan putih adalah melambangkan keindahan serta kemeriahan kehidupan masyarakat nusantara yang kaya dengan kepelbagaiannya kebudayaan.



Nurkhazilah Binti Idris





Salmah Binti Ali

- ii) Salmah Binti Ali | SongSongBuBu_Sistah FF | 2018 | Pensel atas kertas berwarna |

Keterangan Karya


i) Travelog Melaka – Penang menjadi tajuk karya saya, ia bersesuaian dengan catatan perjalanan yang saya lalui sepanjang perjalanan dari Melaka Ke Penang melalui lakaran ringkas dibuku lakaran yang sering saya bawa kemana sahaja saya pergi. Lakaran ibarat satu catatan ringkas kehidupan, kebanyakan orang merakam potret atau gambar menerusi kamera atau telefon bimbit, namun saya lebih suka merakamkan dengan lakaran-lakaran ringkas menerusi lukisan menggunakan pen. Lakaran yang saya hasilkan adalah pengalaman saya melewati Jambatan Pulau Pinang, menaiki bukit bendera menggunakan keretapi elektrik berbanding sebelum ini saya menaikinya pada tahun 2004. Saya melakarkan kawasan-kawasan yang saya lawati sekitar bukit bendera, menjamu selera di Astaka Cliff Café, memasuki OWL muzium melihat koleksi kamera serta burung hantu dalam pelbagai jenis kraftangan dan seni , meninjau suasana di puncak bukit bendera dan melihat permandangan diseluruh Pulau Pinang di Sky Walk.

Tujuan saya ke Pulau Pinang adalah melawat anak sulung yang bersekolah di MRSM Kepala Batas. Perjalanan kami adalah untuk melawatnya sebelum PT3 untuk menaikan semangatnya sebelum mengambil peperiksaan. Kami singgah solat di Masjid Abdullah Fahim yang merupakan masjid terbesar di Kepala Batas. Masjid ini dikatakan dibina dengan kos sebanyak RM25 juta dan dinamakan bersempena dengan nama ayah kepada mantan PM iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi. Sebuah pantun mengakhiri penyataan ini : Terang bulan tiada tandingan, Cuaca sejuk luar biasa, Jauh berjalan luas pandangan, Pengalaman hidup banyak dirasa. Hati-hati hendak menyeberang, jangan sampai titian patah, hati-hati di rantau orang, jangan sampai berbuat salah

ii) Song2SongBuBu_Sistah FF merupakan sebuah lakaran yang mencerminkan keakraban saya dan teman-teman yang mempunyai satu titik kesamaan meminati sesorang dari kami remaja sehingga kini. Rahsia peribadi yang kini bakal diketahui ramai, jika dahulu yang hanya diketahui teman-teman rapat, Rahsia seorang kyonatic bakal terlerai. Lakaran ini merupakan teman-teman rapat yang jauh dimata namun dekat dihati. Hubungan kami disatukan dengan kehadiran IDOL yang menjadi kesukaan kami, kesamaan ini menjadikan kami erat walaupun berlainan agama, bangsa namun kami serasi bersama ibarat adik beradik. Satu sajak ciptaan saya buat mereka : MEREKA teman-teman yang aku kenal, Amat tulus saat berbicara, Saling menemani disaat senang dan susah, Terima kasih, terima kasih tak terhingga. MEREKA teman-teman seperjuangan menemani suka duka tiap perjalanan Menjadi pemangkin semangat kehidupan Tempatu berbagi cerita dan impian Aku amat bersyukur telah memiliki kalian. MEREKA teman yang tak kenal erti lelah, segalanya tersemat di sudut hati paling dalam, kerna kalian aku bersahabat dengan sabar, berkawan dengan penuh keikhlasan, Berjauhan melatih keteguhan hati demi menjadi sahabat terhebat. Didunia dan diakhirat kelak. Song2 Sistah... Forever.



The Penang Bridge is a 13.5KM (8.4 mile) dual carriageway toll bridge & controlled access highway in the state of Penang, Malaysia.

The bridge is well known as the second-longest bridge in Malaysia and the fifth longest in Southeast Asia by total length, with a length over water of 8.4 kilometers (5.2 miles).



Masjid Abdullah Fahim is the biggest mosque in Kepala Batas seberang Perai Utara. Cost of RM 25 million.

Masjid Abdullah Fahim was named after a 19th century Islamic religious minister Tuanku Abdullah bin Badawi.





Shafirah Binti Shaari | Lukisan Wanita | 2018 | Pencetakan Digital |

Shafirah Binti Shaari

Keterangan Karya

Lakaran wanita mengekspresikan tentang kehidupan seorang wanita bekerja dan dalam masa yang sama menjadi seorang ibu dan suri rumah selepas waktu pejabat. Cebisan-cebisan halus dari bunga orkid yang berterbangan diibaratkan seperti tugas wanita itu yang tidak pernah habis. Namun begitu wanita tersebut perlu terus gigih berdiri demi diri dan keluarganya. Bunga orkid dipilih untuk diibaratkan sebagai seorang wanita kerana bunga ini memang sinonim dan seringkali dikaitkan dengan wanita. Sifat bunga ini yang tahan lama dan tidak mudah rosak mewakili ciri-ciri seorang wanita yang kuat. Bunga orkid mempunyai pelbagai warna dan setiap satunya mempunyai maksud yang berbeza. Untuk karya ini warna bunga orkid merah dipilih kerana ia melambangkan semangat, daya energi dan kekuatan cinta. Hal ini bertepatan dengan konsep karya yang dihasilkan iaitu berkaitan dengan semangat, kasih sayang dan cinta. Sementara itu, teknik yang digunakan untuk menghasilkan karya ini menggabungkan teknik fotografi dan melibatkan proses editing menggunakan aplikasi perisian Adobe Photoshop.





Wan Nor Ayuni Binti Wan Mohd Zain | Lakaran Cahaya | 2018 | Digital Photography |

Wan Nor Ayuni
Binti Wan Mohd Zain


Keterangan Karya

Di sebalik penghasilan gambar atau karya pasti di dorong oleh sesuatu idea, dan idea akan diterokai oleh pengkarya melalui imaginasi. Maka imaginasi akan membawa pengkarya ke proses pra lihat dan seterusnya akan diterjemahkan dalam bentuk karya. Bagi karya yang bertajuk Lakaran Cahaya ini, ia merupakan inspirasi daripada maksud fotografi iaitu melukis melalui cahaya. Melalui cahaya, seni fotografi boleh dibentuk dan diterjemahkan dalam pelbagai medium dan objektif utama dalam fotografi adalah untuk merakam dan menyimpan memori. Merakam dan menyimpan memori dalam konteks sejarah awal fotografi adalah dengan menekan dan melukis bayang yang terpancul pada dinding hasil daripada cahaya yang menembusi satu lubang kecil pada ketika itu. Hasil daripada tekanan bayang itu menjadikan lakaran bagi penghasilan imej dalam seni fotografi. Karya lakaran cahaya ini menceritakan fasa permulaan bagi penemuan awal seni fotografi. Di mana ia bermula dengan cahaya yang membentuk bayang dan lakaran yang diterjemahkan menjadi sebuah karya.

Melalui cahaya, seni fotografi boleh dibentuk dan diterjemahkan dalam pelbagai medium dan objektif utama dalam fotografi adalah untuk merakam dan menyimpan memori.



“



Shahariah Binti Mohamed Roshdi | Nutrien | 2018 | Warna Pensil, Pen, Benang |

Shahariah Binti Mohamed Roshdi

Keterangan Karya

Secara umum nutrien lebih diketahui sebagai bahan kimia atau makanan yang menyediakan zat keperluan untuk tumbuh-tumbuhan dan benda hidup. Nutrien digunakan sebagai simbol kepada zat. Pelukis melihat nutrien sebagai suatu zat yang unik didalam suatu pertumbuhan ‘kerajaan’. Keunikan nutrien umpsama magis yang menyedarkan kepentingannya keseluruh saraf dan detik nafas manusia, kerana nutrien jantung dapat berfungsi secara natural. Sains turut merungkai keistimewaan nutrien. Ia memberikan faedah yang baik didalam suatu unit pertumbuhan misalnya tubuh badan manusia dan haiwan. Nutrien juga dikenali sebagai faedah - faedah vitamin yang pelbagai. Sering meyeimbangi proses pertumbuhan atau pengekalan. Nutrien juga berhubung rapat dengan wanita bukan sahaja dalam konteks kecantikan, tetapi karektor nutrien sering menjadi keutamaan dalam jadual harian bagi seorang ibu. Insan bergelar ibu tidak pernah terkecuali menyediakan makanan yang pelbagai dalam hidangan gabungan nutrien yang terbaik untuk santapan ahli keluarga. Bagi ibu-ibu

perkara penting adalah pemakanan yang segar, semulajadi, seimbang dan berzat. Bagi ibu yang bijak, cara mereka melihat makanan sering menggunakan pelbagai deria, iaitu deria rasa, bau serta penampilan visual. Kebanyakan dari kita gemar mengutamakan selera berbanding pemilihan makanan yang mempunyai nutrien yang tinggi. Pemilihan makanan yang tepat memberi bekalan nutrien yang sesuai kepada sel-sel tubuh agar kesihatan terpelihara. Dalam pada itu ianya juga dapat mengekalkan tisu, organ dan tubuh badan kita dalam keadaan yang sentiasa sihat. Nutrien utama terdiri daripada vitamin, mineral, asid lemak penting, asid amino penting, karbohidrat komplek yang membekalkan tenaga dan air. Tubuh badan manusia adalah organisma hidup yang mengagumkan, oleh itu pengambilan nutrien yang seimbang di dalam diet harian sentiasa mempengaruhi terhadap kemampuan untuk membesar, mengawal dan memperbaiki serta mempertahankan diri.





Nur Hasliza Binti Abdullah | 'Titisan Beracun' | 2018 | Bahan Campuran |



Keterangan Karya

Wajar untuk sesekali merasakan cemas. Kecemasan merupakan sebahagian dari kehidupan yang umum terjadi. Namun wajarkah sekiranya sering merasa cemas. Bermulalah episod cemas, bimbang, risau didalam kegelapan diri. Kelihatan biasa pada luaran namun minda dan tubuh sering merasa keletihan yang luar biasa. Lalat, bisa menjadi punca hingga terbawa-bawa kedalam mimpi dan menjelma dialam realiti. Seperti racun yang menghujani pelangi kehidupan hari demi hari, masa bertemu masa. Detak jantung sering tidak menentu. Keadaan sekeliling juga tidak dapat membantu apa-apa situasi. Tidak kiralah betapa banyak perihal positif yang diungkapkan, sebaliknya perihal negatif juga yang menjadi fokus utama. Persekutaran sering dirasakan tidak sempurna. Sempurna yang dicari sering gagal ditemui. Insan-insan yang tidak bertauliah terus menghakimi kerana selesa menghukum dari mengerti. Kepada Allah jualah tempat mengadu. Dengan izin-Nya semua yang mustahil menjadi wajar.






Dona Lowii Binti Madon

Keterangan Karya

Menurut Kamus Dewan Edisi ke-Empat, kata asal bawang membawa makna sejenis tumbuhan (bebewang) yang umbinya dimakan; ~ benggala = ~ bombai = ~ cina sj bawang, *Allium fistulosum*; ~ merah sejenis bawang yg berwarna merah keunguan. Manakala istilah membawang atau makcik bawang masih belum diwartakan ke dalam kamus dewan sehingga kini. Namun satu lagi istilah yang serupa telah disenaraikan dalam Dewan Bahasa dan Pustaka dengan makna yang sama, "Mengetah Bawang" adalah istilah yang disenaraikan pada tahun 2011 bermaksud "menggunakan kata-kata menyakitkan yang menyinggung orang". Istilah makcik bawang ini mula diguna pakai pada 2017 di media sosial. Diilhamkan dari kegiatan makcik-makcik merewang potong bawang sambil mengumpat. Pengkarya terinspirasi dari istilah makcik bawang untuk menghasilkan lakaran bagi pameran ini. Kajian struktur bawang, elemen-elemen seni seperti garisan, warna, rupa, bentuk, tekstura dan ruang dititikberatkan untuk menyerlahkan sifat bawang. Beberapa persoalan cuba dirungkaikan penulis, antaranya tentang benarkah perletakan sifat bawang itu sesuai dengan istilah makcik bawang? Adakah ianya diilhamkan dari sifat fizikal bawang atau deria rasa yang terhasil dari bawang tersebut? Cabaran yang dilalui mendorong pengkarya mengeksplorasi keunikan yang tersirat disebalik setiap lapisan subjek agar matlamat untuk penonton terinspirasi menemui keindahan dari luar kebiasaan. Hasil kajian akan dilihat pada pameran akhir kepada siri makcik bawang ini.






Aidah Binti Alias

Keterangan Karya

Teknik marbling adalah bentuk seni halus dengan pelbagai teknik boleh ubah. Ia adalah seni yang mencipta corak yang berwarna-warni. Ia adalah untuk mewujudkan pelbagai jenis corak dengan bahan yang berbeza. Lakaran awal ini menunjukkan bagaimana eksperimentasi yang akan dilakukan oleh pengkarya bagi kemungkinan dalam menyumbang ke arah peningkatan dan mencipta corak baru dalam seni reka bentuk batik digital khususnya. Sekaligus mewujudkan motif baru dan inovasi menggunakan teknik DSLR dan pendekatan ilusi mirage.



Aidah Binti Alias | Eksperimentasi Corak Marbling Digital | 2018 | Cetakan Digital |



Norsharina Binti Samsuri | Si Mulut Manis | 2018 | Artline, Marker & Kertas |



Norsharina Binti Samsuri

Keterangan Karya

Manusia suka pada kata-kata yang baik-baik kerana ia menenangkan, jadi kerana itu kita memilih untuk dengar apa yang kita mahu dengar, sehingga terpaksa berdolak-dalih bagi memastikan maksud yang disampaikan tidak melukakan hati mereka yang menerimanya, sehingga menipu dianggap penyelamat keadaan, sehingga yang mendengar tenggelam dengan kata-kata yang tidak nyata kerana itu yang kita mahukan, tidak salah bermulut manis untuk menjaga silaturrahim sesama insan tapi berwaspada pada si mulut manis yang mempermainingkan hati setiap insan yang dahagakan pujian, mahupun sanjungan. Si mulut manis sentiasa berada di sekeliling kita, kehadiran mereka hadir dalam pelbagai keadaan sama ada dalam bentuk positif atau negatif terpulang dalam situasi yang diaplikasikan serta terpulang kepada penilaian dari penerima dalam menilai setiap ucapan yang dilontarkan sebagai suatu terapi jiwa atau pemuis nafsu jiwa, hati-hati dengan si dia empunya pemulut manis, kerana bisa mencairkan logam yang keras hanya dengan bait-bait kata.

Tidak salah bermulut manis untuk menjaga silaturrahim sesama insan tapi berwaspada pada si mulut manis yang mempermainingkan hati setiap insan yang dahagakan pujian, mahupun sanjungan.

Nor Fariza Binti Baharuddin

Keterangan Karya

Seorang model kanak-kanak perempuan digunakan bagi menyokong ekspresi karya. Model akan meluahkan ekspresi respon beliau semasa melihat cahaya yang bergerak di hadapannya melalui gerak badan. Cahaya LED digerakkan oleh seorang pembantu pengkarya. Melalui pengamatan pengkarya, pada peringkat awal, model kelihatan teruja melihat pergerakan cahaya tersebut. Akan tetapi semakin lama model semakin runsing dan seakan bingung dengan pergerakan cahaya yang dilakukan. Namun, setelah model melihat sendiri imej yang terhasil didalam kamera, beliau mula faham ape yang telah dilakukan oleh cahaya tersebut. Ternyata disini proses *Light Painting* ini merupakan satu eksperimen rakaman lakaran cahaya yang memerlukan kemahiran dan aplikasi pelbagai teknik yang menarik untuk dicuba. Lanya tidak ubah seperti kita melakar, menulis dan mewarna diatas kertas cuma idea, konsep dan mediumnya sahaja yang berbeza.

Karya fotografi Lakar Tulis Warna adalah karya yang terhasil daripada olahan makna perkataan *Photography* iaitu Drawing With Light (*Phos-Graphos*). Proses fotografi berlaku apabila terdapat cahaya disekitar kawasan rakaman imej. *Light Painting* merupakan salah satu proses rakaman pergerakan cahaya yang dirakamkan dalam tetapan *low shutter*. Proses ini dilakukan didalam keadaan gelap supaya cahaya yang dirakamkan akan lebih nampak jelas dan lakaran yang dihasilkan mudah difahami. Pengkarya memilih lokasi yang gelap di dalam kampus bagi menghasilkan karya ini. Kamera DSLR, kamera Mirrorless, Tripod dan beberapa lampu LED dibawa bersama untuk tujuan rakaman. Beberapa hari sebelum rakaman imej karya, pengkarya telah ke beberapa lokasi untuk membuat tinjauan kawasan bagi mengkaji keluasan dan tahap kegelapan kawasan tersebut. Setelah lokasi dipilih, pengkarya memulakan proses *Light Painting* bersama beberapa orang pembantu.

Nor Fariza Binti Baharuddin | Lakar Tulis Warna | 2018 | Cetakan Digital Fotografi |





Nik Narimah Binti Nik Abdullah | Modernisasi Motif Kuda Kepang | 2018 | Pen grafik dan pensil warna |



Keterangan Karya

Kuda kepang merupakan tarian tradisi warisan budaya Jawa berasal dari Jawa Timur dengan identiti utamanya adalah kuda anyaman tanpa kaki. Mengikut kajian lepas, tarian ini digunakan sebagai satu medium dalam menyebarkan agama Islam. Tarian ini akan dipersembahkan sebelum atau selepas sesi pendakwahan berlaku. Kuda kepang sinonim dengan masyarakat Melayu Johor terutama bagi yang berketurunan Jawa. Penghasilan kuda kepang memerlukan kepakaran dan daya kreativiti yang tinggi. Buluh atau kulit binatang merupakan bahan penting dalam penghasilan kuda kepang termasuk pemilihan warna yang bersesuaian.

Pemilihan kuda kepang sebagai subjek dalam karya dicetuskan apabila terlihat kecantikan pada rekaan pada motif kuda kepang. Penggunaan warna dengan suntikan corak tradisional menonjolkan lagi kehebatan kuda kepang apabila dipersembahkan dalam bentuk tarian. Inspirasi karya ini adalah daripada motif atau corak pada kuda kepang. Tidak dinafikan motif atau corak asal kuda kepang

mempunyai pengaruh budaya Jawa. Namun dengan arus kemodenan pada kini, sedikit perubahan mungkin boleh dilakukan dengan menerapkan elemen rekaan grafik seperti garisan dan bentuk yang kreatif dalam menzahirkan motif atau corak pada kuda kepang. Lakaran yang dihasilkan memperkenalkan dua jenis kuda kepang yang berbeza. Lakaran hanya menggunakan medium warna pencil dan pen grafik untuk menghasilkan corak yang berinspirasikan gaya moden bagi menarik minat generasi pada masa kini untuk mengenali kuda kepang dengan lebih dekat lagi.

Terdapat banyak identiti tempatan yang menarik boleh digunakan sebagai inspirasi dalam berkarya. Pengaruh budaya tempatan yang mempunyai nilai estetika yang tinggi dapat mencetus ilham untuk berkarya dengan lebih baik di masa akan datang seterusnya dapat menghasilkan sebuah karya yang mencerminkan identiti budaya tempatan.

Farihan Binti Zahari

***Black and white photography
tidak sekadar menghasilkan
sebuah imej yang tidak
berwarna, malah ia boleh
menimbulkan kesan klasik,
memorable, dan indah.***

Karya Biasan yang dihasilkan menggunakan teknik digital fotografi dan diterjemahkan dalam bentuk gambar hitam dan putih bagi menimbulkan fokus terhadap tekstur, pencahayaan dan memberikan kesan nostalgia. Tidak hairan lah apabila ada yang berpendapat bahawa gambar hitam dan putih akan memberi kesan kepada penonton kepada kenangan masa lalu. Kekuatan sebuah imej fotografi hitam dan putih terletak pada zone system warna hitam putih itu sendiri. Black and white photography tidak sekadar menghasilkan sebuah imej yang tidak berwarna, malah ia boleh menimbulkan kesan klasik, memorable, dan indah. Imej fotografi hitam putih juga punya kemampuan untuk berdiri sendiri, kemampuannya untuk berkomunikasi secara visual. Dalam pembuatannya foto hitam putih lebih mementingkan komposisi, pencahayaan , perspektif, dan konteks (isi foto). Biasan merupakan gambar landscape yang dirakam di kawah putih yang terletak di Indonesia dan menurut sejarah kawah putih Bandung adalah sebuah kawah yang dihasilkan dari letusan Gunung Patuha.



Farihan Binti Zahari | Biasan | 2018 | Cetakan Digital Fotografi |



Anith Liyana Binti Amin Nudin | Curves | 2018 | Brush pen & artline |

Anith Liyana Binti Amin Nudin

Keterangan Karya

Lakaran bertajuk ‘Curves’ atau maksudnya ‘lengkungan’ dalam Bahasa Melayu ini bertujuan untuk meraikan kepelbagaian bentuk badan wanita di seluruh dunia. Wanita merupakan ciptaan Allah S.W.T. yang teramat komplek, unik dan sempurna. Namun, wanita sering berhadapan dengan isu potongan tubuh badan yang ideal demi penampilan yang menarik dan menawan. Persepsi ‘idealism’ masyarakat dunia kepada golongan wanita juga agak menekan sehingga ada yang sanggup merisikokan diri demi kecantikan. Karya ini menekankan idea garis-garis signifikan pada tubuh wanita yang melalui pelbagai fasa di sepanjang kehidupan mereka. Tubuh wanita dan kulitnya mengalami banyak perubahan dari usia muda hingga ke tua. Garisan spontan yang tebal dan nipis digunakan untuk menterjemah kontur dan kepelbagaian jenis regangan atau parut yang selalunya terdapat pada tubuh wanita akibat usia, kehamilan, pembedahan, peningkatan atau penurunan berat badan dan pelbagai faktor lain. Semua kesan-kesan ini diekspresikan melalui garisan dan perincian pada lakaran tersebut. Mukataip ‘curves’ pula merupakan tulisan tangan yang diinspirasikan dari garis lengkungan yang mudah, membentuk huruf-huruf di dalam perkataan tersebut. Justeru itu, kecantikan tidak semestinya dinilai dari aspek potongan badan yang ideal sahaja; ianya sepatutnya bersifat holistik. Semua wanita dijadikan cantik dalam cara tersendiri, terutamanya untuk mereka yang melahirkan; tubuh dan kulit mereka meregang dan mengecut demi melahirkan insan ke dunia. Walau apa pun wanita, anda diciptakan sempurna dan cantik seperti seadanya.




Garisan spontan yang tebal dan nipis digunakan untuk menterjemah kontur dan kepelbagaian jenis regangan atau parut yang selalunya terdapat pada tubuh wanita akibat usia, kehamilan, pembedahan, peningkatan atau penurunan berat badan dan pelbagai faktor lain.



Nurhikma Binti Mat Yusof

Keterangan Karya

Weidade Nuren bermaksud 'wanita hebat' dalam Bahasa Mandarin. Figura SriKandi digambarkan dalam busana baju kurung (bagi wanita Melayu) yang merupakan perlindungan utama SriKandi Melayu untuk para wanita sejak zaman dahulu lagi. Sifat SriKandi dilengkapi dengan dimensi ukuran karakter-karakter wanita hebat.



Nurhikma Binti Mat Yusof | Weida de Nuren | 2018 | Pen |



Nor Arseha Binti Karimon

Keterangan Karya

Seperti karya ini menggunakan tipografi "empower" iaitu bermaksud kuasa wanita walaupun penuh dengan lakaran bunga yang sering dikenali sebagai sesuatu yang lembut, sopan dan manja.

Wanita dan lelaki ialah dua makhluk Allah yang berbeza mahupun dari segi zahir dan batin. Wanita pada zahirnya mempunyai tenaga jauh lemahnya dari kaum lelaki. Manakala nafsu wanita sembilan nisbah satu berbanding lelaki. Ketajaman akal wanita umumnya cuma satu berbanding kaum lelaki yang dikatakan mempunyai sembilan ketajaman akal. Berikutan dengan hal ini menjadikan kedudukan wanita jauh jaraknya dengan lelaki. Gelanggang perjuangan lelaki dan wanita adalah gelanggang yang berbeza. Tugas seorang wanita juga dikatakan jauh berbeza dengan lelaki. Lelaki adalah pemimpin dan wanita adalah pengikut. Namun begitu pada zaman sekarang wanita seharusnya mempunyai jiwa yang kuat, yang penuh dengan perjuangan walaupun sering dianggap lemah. Seperti karya ini menggunakan tipografi "empower" iaitu bermaksud kuasa wanita walaupun penuh dengan lakaran bunga yang sering dikenali sebagai sesuatu yang lembut, sopan dan manja. Tapi sesungguhnya wanita sekarang tidak lagi meletakkan kebergantungan sepenuhnya pada lelaki. Malah pada zaman sekarang hati wanita yang dulunya rapuh dan dianggap lemah perlu sentiasa berjiwa teguh, kental serta penuh semangat. Ibarat lakaran bunga yang cantik jika bersatu pasti akan menghasilkan sesuatu indah. Wanita selalu dibaraskan bunga yang cantik dan menarik, malah fikirannya boleh menambahkan pengaruh dan tarikan pada lelaki. Kuasa wanita ialah kuasa tersembunyi di sebalik jiwanya yang mampu menguasai apa sahaja kerana ia begitu istimewa. Tipografi 'empower' melambangkan wanita berkuasa mencatur hidup ikut percaturan yang diinginkan kerana ia makhluk istimewa yang nampak lemah pada zahirnya tetapi tidak disebaliknya.





Faranisha Binti Mohd Sarif | Hujan | 2018 | Campuran |

“

Faranisha Binti Mohd Sarif

Keterangan Karya

Hujan buat orang bimbang
Hujan buat orang gembira
Hujan buat orang mengenal sejarah
Hujan buat orang rasa syukur
Hujan rahmat dari Allah S.W.T.



notes




جامعة مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Seni Lukis
& Seni Reka

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

e ISBN 978-967-0637-71-6



e 9 789670 637716